


**Jilid I
Bil. 30**



**Hari Selasa
17hb Julai, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2949]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Penyelarasan Pernidustrian (Pindaan) [Ruangan
2990]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, Pengiran OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLAH, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI IDRIS (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR. CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).

Yang Berhormat PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).

- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).

- ” TAN SRI DATUK DR. C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- ” DATO SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).
- ” DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- ” PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- ” DATUK DR. WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- ” TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- ” TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- ” PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 17hb Julai, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANMINYAK MENTAH—
MEMBERHENTIKAN EKSPORT

1. Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Malaysia bercadang hendak memberhentikan eksport minyak mentahnya; jika ya, bila dan berapa banyakkah jumlah kewangan yang akan terlibat.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak bercadang hendak memberhentikan eksport minyak kerana kita terpaksa mengimport minyak dari Timur Tengah dalam kuantiti yang cukup kerana jenis tersebut lebih sesuai dan diperlukan untuk kegunaan negara kita. Oleh yang demikian, tidaklah perlu bagi kita memberhentikan eksport minyak.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut laporan daripada Amerika Syarikat, Presiden Carter telahpun memberi satu dasar yang baru. Rakyat ingin tahu melalui Dewan Negara kita, apakah kesan-kesan yang akan menimpa negara kita mengikut dasar Kerajaan Amerika yang baru berkenaan dengan minyak ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada dasar yang baru, ini dasar yang biasa.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana negeri kita mengeluarkan

minyak, adakah rancangan Kerajaan untuk membuat penapis minyak dan juga ada satu ribu satu macam bahan-bahan daripada minyak ini yang kita boleh keluarkan. Adakah cadangan Kerajaan pada masa akan datang

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk mengadakan penapis minyak kepunyaan negara sendiri.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada segi penambahan hasil negara, mana lebih baik minyak mentah ini kita eksport keluar negeri dengan kita proses dengan pengilang-pengilang yang ada dalam negeri kita ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua maklum, kita mengeluarkan jenis minyak yang boleh memberi harga yang lebih tinggi kerana kualitinya adalah lebih baik. Jadi adalah menasabah kalau kita menjual minyak ini kerana dengan hasil daripada penjualan ini dapat kita membeli minyak jenis ataupun mutu yang kurang tetapi pula membelikan segala jenis-jenis keluaran minyak yang digunakan oleh negara kita iaitu minyak yang kita import itu boleh mengeluarkan bahan-bahan seperti motor gas, diesel, kerosine ataupun minyak tanah dan juga fuel oil untuk kegunaan janaelektrik. Sebaliknya minyak yang kita keluarkan sendiri tidak boleh memberi pecahan-pecahan jenis minyak ini seperti yang kita kehendaki. Jadi adalah lebih baik kalau kita menjual pada masa ini. Tetapi kalau kita sampai kepada satu ketika yang mana kita tidak dapat membeli minyak daripada pasaran lain kerana harga terlalu mahal ataupun kerana kekurangan seperti yang berlaku sekarang ini, memang ada kekurangan sebanyak 2 juta tong pada satu hari maka PETRONAS telahpun diarah supaya menapis minyak ini di Malaysia dan juga di Singapura dan hasil

tapisan ini dijual sebagai membantu kekurangan yang ada. Waktu ini tidaklah dapat kita membantu semua keperluan yang kurang ini tetapi saya yakin dalam jangka masa tidak berapa lama lagi PETRONAS akan dapat membekalkan semua keperluan negara.

PETRONAS MEWUJUDKAN STESYEN PAM MINYAK

2. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membenarkan PETRONAS mewujudkan stesyen pam minyak di seluruh negara.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang bercadang membenarkan PETRONAS mewujudkan stesyen pam minyak di seluruh negara.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita berterima kasih atas langkah Kerajaan ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapatkah beliau memberitahu Dewan ini apakah langkah yang sedang dibuat dalam masalah ini supaya dapat dijalankan perusahaan ini sekurang-kurangnya pada tiap-tiap sebuah negeri ada satu stesyen minyak yang dibuat oleh PETRONAS.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan dan juga PETRONAS mempunyai rancangan untuk memasuki dalam bidang retail minyak semua jenis iaitu motor gas, minyak motor, diesel, minyak tanah dan lain-lain bahan minyak, tetapi sebelum PETRONAS dapat menjalankan rancangannya telah terjadi satu kekurangan minyak seluruh dunia akibat daripada pergolakan politik di negara Iran. Dengan kerana kekurangan ini maka terpaksa pihak PETRONAS memasuki bidang ini dengan lebih awal lagi tanpa mengadakan persediaan yang sempurna. Sebab itu PETRONAS telah diarah supaya mengadakan stesyen minyaknya, terutamanya di tempat-tempat yang mana penggunaan kereta begitu banyak iaitu di kawasan Kuala Lumpur dan juga di Selangor. Sekarang ini PETRONAS telahpun menyediakan pam minyaknya di Johor Bharu di mana dalam

satu minggu lagi saya yakin pam minyak itu akan dapat membekalkan minyak diesel dan juga minyak tanah.

Di samping itu kita sedang menyediakan kemudahan tiga tempat di Melaka. Oleh kerana Pantai Timur menghadapi kesusahan mendapat bekalan minyak, tumpuan juga diberi kepada Pantai Timur dan di dalam sedikit hari lagi Trengganu dan lepas itu Kelantan akan dapat bekalan minyak daripada PETRONAS. Selepas itu kita bercadang mengadakan di Perak.

Soal pemilihan negeri mana yang akan dapat dahulu dan kemudian ini bukan bergantung semata-mata kepada kekurangan minyak di tempat-tempat itu tetapi juga bergantung kepada soal logistik yang dihadapi oleh pihak PETRONAS yang mana dianya tidak dapat mengadakan segala tankers dan skid-tank dengan begitu cepat untuk membekalkan semua negeri dalam satu jangka masa yang pendek. Itulah sebabnya kita belum adakan di negeri-negeri lain, tetapi memang menjadi hasrat PETRONAS untuk mengadakan stesyen minyaknya di tiap-tiap negeri bukan sahaja satu tempat, tetapi banyak tempat dan mengadakan outlet dengan menggunakan stesyen-stesyen minyak seperti yang dipunyai oleh syarikat-syarikat swasta.

Di dalam usaha ini pihak Kerajaan akan menentukan supaya pihak orang ramai yang ingin menyertai dalam bidang ini dapat diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perniagaan ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan minyak petrol, saya ingat tidak ada kekurangan. Yang saya hendak bertanya minyak diesel, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun tahu iaitu berlaku kekurangan, sebelum dinaikkan harga memang petrol pump menjual murah \$1.20 sen segelen, yang lain \$1.40—\$1.50 sen segelen. Jadi orang ramai pergi ke petrol pump membeli diesel itu tetapi apabila dinaikkan harga ke tingkat sekarang, Yang Amat Berhormat juga tahu pada hari ini kita tidak ada kekurangan sebab dinaikkan harga, tentulah harga minyak di mana-mana serupa sahaja. Baru-baru ini dalam akhbar, kalau saya tidak salah, menyatakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan shortage berlaku oleh kerana harga minyak kita sekat. Dengan

sebab itu penjual-penjual minyak telah menyekat minyak juga, dia tak hendak jual oleh kerana tidak ada price-control. Kalau begitu apakah cara atau jalan Kerajaan hari ini sama ada mengadakan price-control atas minyak diesel

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, itu tidak kena mengena dengan pertanyaan asal ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Ini pertanyaan asal yang hendak ditanya iaitu minyak diesel, bagaimanakah dasar Kerajaan, yang mana patut dibuat iaitu di-kontrol atau tidak?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kenakan price-control rakyat akan merasai kesenangannya tetapi kalau rakyat sanggup membayar harga yang tinggi, mereka juga boleh mendapat manfaat daripadanya. Malangnya, kalau harganya tinggi, rakyat tentu tidak puas hati, tetapi kalau harga rendah tetapi tak ada bekalan, rakyat juga tidak puas hati. Jadi pemilihan bagi Kerajaan agak sukar sedikit, tetapi dalam pada itu Kerajaan memilih untuk menentukan harga yang rendah iaitu mengenakan price-control dan kalau ada kekurangan, Kerajaan akan menampung kekurangan itu melalui penyertaan PETRONAS. Jadi bolehlah kita dapat kebaikan daripada kedua-duanya iaitu harga pun murah dan bekalan pun ada. Tetapi malangnya ini mengambil masa sedikit. Itulah sebabnya yang menjadi macam-macam masalah dalam bekalan diesel waktu ini.

KEDAI PAJAK GADAI

3. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya berpuashati bahawa kedai-kedai pajak gadai menjalankan perniagaannya mengikut undang-undang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Kementeriaan saya berpuashati dengan perjalanan kedai-kedai pajak gadai yang terdapat di seluruh negara pada masa ini. Ini berpandukan kepada makluman balas yang diterima daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan Wilayah Persekutuan

baru-baru ini. Dalam pada itu tidak dapat dinafikan ada di antara mereka itu yang menjalankan perniagaannya tanpa mengikut peraturan yang tertentu, tetapi bilangannya tidaklah ramai, dan Kementeriaan saya akan berunding dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai masalah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun pajak gadai ini merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan yang terletak di bawah portfolio Kementeriaan saya mengikut Item 7(j), Senarai Satu, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, tetapi faedah kewangannya diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah Perkara 108 (4) (b) Perlembagaan Persekutuan. Pegawai Pelesen dan Inspekter-inspekter dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan apa-apa tindakan yang hendak diambil ke atas mana-mana kedai pajak gadai yang menyeleweng adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Kementeriaan saya sedang mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi segala masalah yang akan dan sedang dihadapi. Kami juga menerima aduan-aduan dan telah menyelesaikan mana-mana aduan yang melanggar undang-undang dengan seberapa segeranya.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Tidakkah pihak Kementeriaan ini sedar, satu daripada syarat pajak gadai itu iaitulah barang-barang yang digadai dan telah hilang, kemudian dilelongkan, harganya yang lebih itu mestilah dipulangkan kepada orang yang menggadai tetapi yang didapati di seluruh negara tidak ada duit yang lebih itu dipulangkan balik kepada pihak yang menggadai, maka adakah ini satu penyelewengan oleh keseluruhan kedai pajak gadai ataupun satu kelalaian oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan ataupun apa sebab jadi begini?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan tadi bilangannya tidak ramai, kita tidak menafikan ada masalah-masalah ini. Tetapi saya suka menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, perkara ini kalau ada specific—kalau ada perkara yang tertentu, bolehlah adukan terus kepada Kementeriaan saya dan kita

boleh ambil tindakan. Sehingga ini, saya tidak dapat aduan sebagaimana yang disoalkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Ini bukan aduan, Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi perkara biasa, tidak ada orang yang menggadai itu menerima wang lebih daripada pihak pajak, tidak diberi. Jadi, ini tidak payah diadu. Sebab itu saya bertanya apa sebab jadinya begini. Apa sebab wang lebih itu tidak dipulangkan balik kepada yang menggadai. Tugas menyerahkan balik wang yang lebih itu kepada yang menggadai adakah tugas pajak gadai ataupun tugas Kerajaan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang hendak menggadai ini adalah terdiri daripada mereka yang sesak, yang susah. Jadi, kadangkala mereka ini tahu bahawa bila hendak gadai barang ini, tentulah tidak mendapat harga yang tinggi dan boleh jadi harga yang berlebihan itu ada. Pendek kata kita bebas untuk mendapatkan kewangan dan saya rasa elok orang ramai bekerjasama supaya jangan cari tempat-tempat punca kewangan di tempat lain. Ini bukan bermakna saya hendak syorkan atas perkara itu tetapi oleh sebab pajak gadai ini hendak menolong orang-orang yang sesat memerlukan wang yang segera, walau bagaimanapun, saya boleh lihat dan kalau ada perkara itu, Kementerian saya akan mengambil tindakan kepada pajak-pajak gadai yang berkenaan.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Menteriannya coordinate syarikat-syarikat pajak gadai dengan Kerajaan-kerajaan Negeri? Berapa kalikah sudah dibincangkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri?

Soalan kedua, di seluruh negara kita barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri puas hati atau tidak, iaitu bila seseorang pergi menggadaikan barang di kedai pajak gadai, barangkali dia dapat \$200, bila dia hendak tebus balik, didapati barang itu kurang timbangannya. Jika perkara seperti ini berlaku, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui.

Perkara seperti ini berlaku bukan sahaja kepada orang India tetapi orang Melayu juga banyak komplek kepada saya, bukan satu tempat tetapi mana-mana tempat yang saya lawati, semua orang di situ ada komplek. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan segera?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soal yang pertama, Kerajaan Pusat khususnya Kementerian saya dengan Kerajaan Negeri sentiasa berunding memikirkan masalah itu dan lain-lain masalah. Kemudian, mengenai tindakan yang hendak diambil tadi, saya telah jawab dalam soalan saya tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah tegas untuk memelihara kepentingan dan hak-hak orang miskin yang terdesak oleh keadaan hidup dan terpaksa pergi menggadai, jadi itu sudah cukup.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang yang saya tahu di negeri Pahang terutamanya apabila seseorang itu menggadai dan telah lelap, barang itu tidak pernah dilelong, sungguhpun ada ditulis di surat gadai barang itu akan di lelong. Tetapi harga yang diambil oleh pajak gadai itu biasanya separuh sahaja. Jadi tuan yang punya kedai tadi ambil barang itu dengan senyap, lepas dua minggu, jika tidak ada orang yang datang menuntut, dia pun simpan dengan tidak ada dilelong dan sebagainya. Saya suka mengesyorkan, kalau boleh kita buat seperti di India, lagi dua minggu barang itu akan lelap, maka tuan pajak gadai tadi akan menulis surat kepada tuan punya barang mengatakan barang tuan akan lelap pada sekian-sekian haribulan, maknanya mengingatkan. Setengah-setengah orang kampung dia tidak tahu bila barang itu lelap, tetapi dengan adanya surat ulangan datang mengingatkan tadi maka dapatlah dia menyelamatkan barang itu, boleh atau tidak?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi hendak melindungi keadaan orang-orang miskin ini, saya akan ambil perhatian.

RUMAH MURAH BAGI PEMAJU PERUMAHAN

4. Puan Dasimah Dasir (*di bawah S.O. 23 (2)*) bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau akan mengkaji dan mewajibkan syarat kepada pemaju-pemaju perumahan sebelum lesen diberi bahawa mereka hendaklah sekurang-kurangnya mendirikan rumah harga murah yang tidak lebih dari \$12,000 sebuah sebanyak 25% daripada bilangan atau jumlah rumah yang hendak dibina.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya setakat ini tidaklah mengenakan sebagai salah satu syarat permohonan lesen yang mana tiap-tiap pemaju perumahan hendaklah membina sekian-sekian peratus rumah-rumah berharga tidak lebih daripada \$12,000 seyunit. Perkara menetapkan bilangan peratus dan harga ini adalah di dalam bidang kuasa tiap-tiap Kerajaan Negeri. Selalunya syarat-syarat ini dikenakan apabila meluluskan ubah syarat kegunaan tanah oleh Kerajaan Negeri.

MINYAK—SUMBER TENAGA

5. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan krisis tenaga yang dihadapi di seluruh dunia langkah-langkah persediaan yang telah dan sedang diambil.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar atas malah akibat kedudukan minyak dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi telah juga menerangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan sekarang. Selain dari itu kita juga sedang mengambil langkah-langkah persediaan supaya dalam jangka panjang kita tidak bergantung sangat kepada sumber tenaga minyak.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam beberapa tempoh yang dahulu telah menerangkan bahawa Kerajaan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet

mengenai Tenaga dan bidang tugasnya ialah untuk mengkaji kemampuan punca-punca yang sedia ada bagi membekalkan kuasa-kuasa tenaga yang mencukupi serta mengkaji kemungkinan memperolehi kuasa-kuasa tenaga yang lain dari yang sedia ada.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum tenaga ialah suatu perkara yang luas yang melibatkan berbagai sektor dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat penggunaan tenaga oleh berbagai sektor di Semenanjung Malaysia sekarang adalah seperti berikut:

- (1) Sektor penjanaan elektrik memakai lebih kurang 25% daripada keseluruhan penggunaan tenaga.
- (2) Sektor perusahaan memakai lebih kurang 11%.
- (3) Sektor pengangkutan (public transport and commercial transport) memakai lebih kurang 10%.
- (4) Sektor domestik (termasuk private family vehicles) memakai lebih kurang 25% dan yang lainnya dipakai oleh sektor-sektor perlombongan, pembinaan dan lain-lainnya.

Oleh itu, pada dasarnya objektif kita ialah untuk mencari punca-punca tenaga untuk kuasa tenaga di mana minyak boleh digantikan dengan punca-punca yang lain. Ini bermakna kita boleh menggunakan minyak untuk tenaga di mana substitutenya tidak mudah didapati.

Bagi contohnya kalau ditinjau daripada sektor penjanaan elektrik 89% adalah dari sumber minyak dan sebaliknya dari sumber hidro. Mengikut dasar ini, sebagai satu langkah jangka panjang untuk mengurangkan pergantungan kita ke atas minyak, dan secara mengadakan punca-punca atau sumber-sumber alternatif misalnya dalam bidang penjanaan elektrik, kini pihak LLN sedang berikhtiar bagi mempelbagaikan punca-punca iaitu dengan menyediakan pelan menggunakan gas asli (associated gas) dan yang kedua dengan membina lebih banyak lagi projek hidro termasuk mini-hidro di seluruh negara.

JALANRAYA—KERJA-KERJA MENGKALI

6. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada pihak E.P.U. boleh mengkaji satu rancangan untuk penyelarasan Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang berkait dengan menggali serta menutup lubang di jalanraya untuk menanam talian telefon, saluran paip dan lain-lain.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, adalah dimaklumkan bahawa penyelarasan telahpun dibuat di antara Jabatan-jabatan yang selalu terlibat dalam kerja-kerja menggali di jalanraya.

Bagi kerja-kerja menggali jalanraya di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, penyelarasan adalah dibuat oleh Dewan Bandaraya yang akan bertanggungjawab bagi mengambus dan membaiki jalan-jalan yang telah digali. Bagi jalan-jalanraya di luar kawasan Bandaraya dan seumpamanya, penyelarasan adalah dibuat oleh Jabatan Kerja Raya yang akan bertanggungjawab bagi mengambus dan membaiki jalan-jalan yang telah digali itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar Jawatankuasa Penyelarasan ini adalah berkesan di Bandaraya kita ini, tetapi di setengah-setengah negeri kita dapati banyak lubang-lubang yang tidak ditutup. Adakah hal ini disedari oleh Kementerian ini? Kalau sedar, apakah langkah supaya penyelarasan ini menyeluruh ke seluruh negara kita?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, mungkin kadang-kadang ini berlaku dengan kesedaran kami atau dengan tidak kesedaran kami. Tetapi apabila kami tahu di mana ada galian yang tidak dibaiki kami terus membaikinya. Jadi saya ingin memberi jaminan iaitu kami cuba berusaha seberapa boleh untuk mengurangkan perkara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Ismail bin Hashim: Saya hendak tahu daripada Menteri yang berkenaan adakah Jawatankuasa Penyelarasan di antara

Kementerian-kementerian yang berkenaan diwujudkan di seluruh negara untuk mengelakkan daripada galian dan menutup bilamana kerja-kerja dibuat?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua penyelarasan memang ada di antara pejabat-pejabat dan agensi-agensi yang berkenaan. Menwujudkan Jawatankuasa Penyelarasan ini di tiap-tiap negeri atau tiap-tiap daerah bukan dalam tanggungjawab saya, mungkin ini dalam tanggungjawab Kerajaan Negeri. Jadi saya tidak dapat menjawab di sini ada atau tidak Jawatankuasa Penyelarasan diwujudkan di seluruh negara. Saya minta notis kalau hendak tahu dengan butir-butirnya.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti oleh sebab dengan penyelarasan yang saya maksudkan adalah wujudnya daripada Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab seperti Kementerian Yang Berhormat sendiri dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang biasanya mengorek dan menutup lubang-lubang. Walaupun dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ini terpulang kepada negeri-negeri, tetapi ini adalah tanggungjawab Kementerian-kementerian pusat untuk mengelakkan daripada kemalangan atau kesusahan kepada orang awam untuk lalulintas jalan-jalan yang dikorek untuk ditutup lubang-lubang yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

SEKTOR RUKUN TETANGGA

7. Dato' V. Ponnusamy Pillai (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Sektor Rukun Tetangga yang wujud di Semenanjung Malaysia setakat ini dan nyatakan negeri-negeri yang berkenaan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu bahawa bilangan Sektor Rukun Tetangga yang terdapat di Semenanjung Malaysia sehingga hari ini ialah sebanyak 668 buah kesemuanya.

Bilangan sektor itu mengikut negeri-negeri pula adalah seperti berikut:

1. Wilayah Persekutuan	102
2. Perak	150
3. Perlis	5
4. Kedah	21
5. Pulau Pinang	25
6. Selangor	80
7. Negeri Sembilan	25
8. Melaka	19
9. Johor	161
10. Pahang	74
11. Trengganu	5
12. Kelantan	1

Jumlah 668

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sesuatu Sektor Rukun Tetangga pada masa sekarang ditubuhkan secara sukarela bukan dengan kehendak Kerajaan kita, siapa suka tubuhkan sesuatu sektor buat demikian. Oleh sebab itu menjalankan tugas Rukun Tetangga ini langsung tidak memuaskan hati. Biasanya orang yang tidak berada iaitu orang miskin dan middle class sahaja selalu menubuhkan sektor-sektor Rukun Tetangga. Orang yang berada, yang ada lebih kemampuan tidak peduli untuk mengadakan sesuatu Sektor Rukun Tetangga. Memang inilah keadaannya di Pulau Pinang dan lain-lain tempat di negara kita. Oleh sebab itu, adakah apa-apa rancangan untuk mengadakan satu kajian sedalam-dalamnya iaitu semua kawasan di tanahair kita walaupun kaya atau miskin mesti mengadakan Sektor Rukun Tetangga supaya semua warganegara menjalankan kawalan di tempat masing-masing?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah tujuannya kalau boleh Rukun Tetangga ditubuhkan di seluruh negara. Ada falsafah di belakang Rukun Tetangga ini iaitu kita mahu melatih dan mendidik rakyat yang setia kepada negara ini supaya mereka memahami bahawa tugas mereka kepada negara adalah satu kewajipan sebagai satu patriotik kepada negara ini. Bagi orang-orang yang beragama Islam pula kita cuba melatihkan perasaan orang-orang Islam supaya menjaga negara, keselamatan negara atau kampung melalui satu

jawapan Nabi sendiri, iaitu, dengan izin, "Khabul watan minaliman", kasih kepada watan itu daripada iman.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini telah meluluskan dan menguatkuasakan satu peraturan dalam Parlimen untuk menggiatkan peraturan-peraturan mengenai dengan Rukun Tetangga ini. Bila sudah Urusetia Rukun Tetangga dapat mengadakan kumpulan-kumpulan yang meronda ke sesuatu kawasan, sekiranya mereka enggan dan tidak mahu menjalankan tugas masing-masing mereka boleh diambil tindakan undang-undang supaya ini tidak memberi kesan yang buruk kelak kepada orang lain. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Bernormat itu, Urusetia Rukun Tetangga ini sedang bergiat untuk mewujudkan beberapa banyak Sektor-sektor Rukun Tetangga di negara ini dan kita cuba mengelakkan diskriminasi untuk melatih ahli-ahli Rukun Tetangga.

PANDUAN IBADAT

8. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada R.T.M. boleh memanjangkan masa untuk rancangan PANDUAN IBADAT yang disiarkan melalui TV.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa jangkamasa bagi rancangan Panduan Ibadat seperti sekarang ini adalah memadai kerana rancangan ini adalah berbentuk pelajaran dan panduan yang khususnya ditujukan kepada kanak-kanak dan setengah-setengah orang dewasa yang dalam peringkat pengetahuan permulaan dalam soal-soal ibadat. Pada pendapat Kementerian ini rancangan yang berbentuk pelajaran dan pendidikan seumpama ini hendaklah disiarkan dalam bentuk yang mudah dan ringkas supaya dapat diserapkan dengan lebih berkesan lagi kepada pendengar-pendengarnya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat siri rancangan Panduan Ibadat akan dilanjutkan lagi dan penerbitan siri baru yang meliputi perkara-perkara seperti muamalat, munakahah dan faraidh sedang diselenggarakan. Adalah dijangka jua bahawa perkara-perkara mengenai jenayah dan adab dapat juga disusun kemudiannya.

Bila nanti siri-siri ini dimulakan maka kemungkinan akan ditambah sedikit masa siaran rancangan-rancangan tersebut.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah salah seorang yang mengikuti rancangan ini dan saya patut beri tahniah kepada guru yang mengajar dan ini telah mendapat satu sambutan yang baik daripada orang ramai tetapi kita dukacita kerana masa yang diuntukkan cuma 15 minit dan saya pandang yang mengajar ini iaitu masanya terlampau pendek maka beliau sendiri merasa tergesa-gesa dan diminta orang ramai atau kanak-kanak mencatat. Jangan dikatakan hendak mencatat, hendak mengikutinya pun masa terlampau pendek. Jadi pada pandangan saya kalau tidak dapat dijalankan rancangan ini tiap-tiap hari sebagaimana yang berjalan sekarang ini biarlah dua hari sekali pun tidak menjadi masalah asalkan masanya dipanjangkan sedikit untuk dapat; maktumlah ilmu agama ini berkehendakkan catitan supaya orang dapat mengikuti dengan lebih senang lagi.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya akui akan penerimaan orang ramai tentang rancangan ini serta pandangan-pandangan yang telah diberikan bahawa masa yang diperuntukan bagi rancangan ini adalah suntuk sedikit. Semasa menimbang hal ini saya telah mengarahkan kepada RTM supaya mengulang balik siri yang telah disiarkan awal ini sekali lagi supaya mana-mana mereka yang telah ketinggalan dan tidak dapat menyalin seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dapat berbuat demikian. Dan di atas pandangan yang telah diberi mengenai siri yang sedang berjalan pada kali ini dan apabila diperluaskan siri-siri yang lain mengikut apa yang saya sebutkan tadi, maka kemungkinan besar kita akan menambah sedikit dan cara penyampaiannya akan kita perbaiki lagi.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah atau tidak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ubah rancangan Panduan Ibadat itu pada jam 8.00 malam. Sebab saya berkata demikian kerana banyak peminat yang ingin mengikuti tetapi masanya itu amat suntuk sekali iaitu waktu lepas Magrib dan sedang kita sembahyang Magrib. Jadi boleh atau tidak ubah rancangan ini?

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, rancangan Panduan Ibadat ini memang satu rancangan yang saya anggap sungguh controversial dari segi pendengar-pendengar dan peminat-peminat rancangan ini. Rancangan ini telah dimulakan dahulu sebelum Magrib—marah orang; kita pindahkan selepas Magrib. Selepas bang Magrib marah lagi kerana dikatakan sedang kami hendak beribadat disiarkan pula siaran ibadat. Jadi kadangkala menjadi sukar juga bagi kita kerana di dalam kita menyusun rancangan-rancangan TV ini kita terpaksa berpandu kepada masa yang tetap yang ada pada satu hari itu dan mesti juga berpandu kepada rancangan-rancangan yang ada. Ada rancangan-rancangan yang masanya 10 minit, ada 20 minit, ada 40 minit dan ada 1 jam. Jadi slot yang ada pada rancangan-rancangan TV pada tiap-tiap hari itu adalah penting di dalam kita menyusun apa-apa rancangan. Dan kalau kita terpaksa memanjangkan sesuatu rancangan yang ada, yang mungkin popular, kita terpaksa pula menyesuaikan dengan slot yang ada pada seluruh rancangan di dalam satu hari atau di dalam satu minggu. Tetapi kebetulan ada perubahan yang dapat kita buat iaitu apabila ada permintaan daripada rakyat kita di Sabah dan Sarawak bahawa mereka memerlukan lebih banyak lagi siaran dalam bentuk warna.

Maka menimbang hal itu percantuman Rangkaian Ketiga di Sabah dan Sarawak kepada Rangkaian Nasional telah kita majukan sejam lagi. Dari sebab itu kita dapat menerbitkan rancangan Panduan Ibadat ini pada pukul 7.15 malam iaitu jauh selepas masyarakat kita menunaikan fardu Magrib dan sebelum mereka menunaikan fardu Isya'. Maka mereka dapat mengikuti rancangan ibadat ini dan kalau hendak disiarkan rancangan ini pada pukul 8.00 malam, ini sudah tentu akan menimbulkan lagi masalah menempatkan rancangan pada slot yang sesuai.

Jadi, di atas permohonan Yang Berhormat supaya rancangan ini ditempatkan pada pukul 8.00 malam, saya fikir ada kesulitan teknikal yang terpaksa kita hadapi tetapi setakat ini daripada pandangan yang telah kami terima bahawa slot yang ada pada waktu sekarang ini telah memuaskan hati sebahagian besar daripada peminat-peminat rancangan ibadat ini.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dengan sebab pengajaran

ibadat yang telah dijalankan ini amat berguna dan mustahak sekali, bolehkah Yang Berhormat menimbangkan supaya semua pelajaran-pelajaran yang diajarkan dalam siri ibadat yang demikian dijadikan naskah ataupun dijadikan satu buku kecil sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan huraian-huraian ibadat yang disiarkan itu supaya dapat diberi ke seluruh negara terutama bagi didikan rohani anak-anak? Saya pandang ini satu pengajaran yang maha baik untuk generasi yang akan datang.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini sedang dilakukan oleh Kementerian Penerangan sendiri. Jadi daripada rancangan ibadat yang pertama hingga rancangan yang ke 300 saya fikir, ini sedang ditranscribe dan sedang disusun supaya dijadikan satu buku kecil yang akan kita bekalkan kepada mereka yang akan memerlukannya nanti.

KILANG JERAMI DAN SEKAM

9. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mendirikan kilang-kilang untuk memproses jerami dan sekam.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Pertanian. Buat masa ini Kementerian Pertanian belum lagi bercadang untuk mendirikan kilang-kilang untuk memproses jerami dan sekam. Walau bagaimanapun, penyelidikan sedang dijalankan oleh MARDI untuk memproses jerami dan sekam padi kepada makanan binatang-binatang ternakan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Kalau sekiranya Kerajaan tidak bercadang hendak mendirikan kilang-kilang seumpama ini, adakah pihak Kementerian menggalakkan pihak swasta supaya mendirikannya?

Yang kedua, baru-baru ini pihak Kementerian ada bersama-sama dalam rombongan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat ke luar negeri kerana menjemput pelabur-pelabur asing supaya mendirikan kilang-kilang di negara kita. Adakah cara yang seumpama ini dirancang ataupun dipelawa kepada pihak-pihak pelabur-pelabur asing di luar negeri itu supaya mendirikan kilang-kilang?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soal menggalakkan swasta mengadakan kilang-kilang ini adalah satu hal yang amat baik sekali oleh kerana memproses jerami dan sekam ini berhajat kepada satu saintifik teknikal. Jadi sehingga kita dapat satu kenyataan yang benar-benar viable dari MARDI yang sedang menjalankan penyiasatannya, sehingga itulah kita tidak menggalakkan swasta mengadakan kilang-kilang ini. Mungkin kemudian daripada penyelidikan itu kita akan mengemukakan formula-formula kepada sesiapa sahaja yang hendak mendirikan kilang jerami dan sekam ini.

GURU DIBUANG KERJA KERANA BERZINA

10. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini Mahkamah Syariah Jerantut telah memerintahkan dua orang guru (seorang lelaki dan seorang perempuan) dihukum penjara kerana kesalahan berzina; jika sedar, nyatakan sama ada dengan hukuman itu mereka akan dibuang kerja.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telahpun menerima laporan penuh mengenai perkara ini.

Oleh kerana dua orang guru berkenaan telah melakukan kesalahan berat iaitu mencemarkan nama baik perkhidmatan guru dan Kementerian ini, maka perkara ini telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bagi menimbangkan kes ini dan selanjutnya mengenakan hukuman tata-tertib dan yang setimpal dengan kesalahan itu.

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran telah pun selesai menimbangkan kes itu dan telah memutuskan bahawa kedua-dua guru berkenaan itu dibuang kerja.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Masalah khalwat ini adalah menjadi kesalahan kepada orang yang beragama Islam, tetapi perkara ini tidak menjadi kesalahan kepada orang yang bukan beragama Islam. Saya hendak tanya kepada pihak Kementerian kalau sekiranya dua orang

guru yang di bawah Kementerian, seorang beragama Islam dan seorang lagi tidak beragama Islam melakukan pekerjaan khalwat. Katakanlah, guru Islam ini yang lelaki, guru yang seorang lagi yang bukan Islam, guru perempuan. Kedua-duanya berkhalwat. Maka apakala ditangkap oleh pihak Jabatan Ugama, maka guru yang lelaki itu didapati salah lalu dihukum penjara, dan mengikut kaedah yang disebutkan oleh Kementerian ini harus dia itu dibuang kerja. Apa pula tindakan kepada guru yang terlepas itu? Dia tidak dibawa ke Mahkamah Syariah dan apakah tindakan yang diambil ke atas dia. Adakah dia itu dilepaskan sahaja oleh Kementerian Pelajaran? Dengan sebab dia tidak didakwa di dalam Mahkamah Syariah, adakah guru yang satu lagi itu akan terlepas sahaja dan dia terus kekal di dalam jawatannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini berkehendakkan notis. Susah hendak dijawab sekarang. Jadi pertanyaan seperti ini berkehendakkan notis.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Notis juga? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: (*Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri*) Boleh jawab?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada kes-kes yang disebutkan itu. Kalau kes itu ada keistimewaan, itu akan dipertimbangkan dengan keistimewaanlah. Jadi ini bergantung kepada kes-kes.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Banyak negeri kesalahan khalwat tidak hukum penjara hanya didenda sahaja. Maka dengan sebab itu hukuman denda pihak Kementerian tidak buang kerja. Yang ini hukum penjara dan dibuang kerja. Itu saya bertanya. Kalau sekiranya kedua-dua berkhalwat, satu Islam, satu bukan, jadi yang Islam ini dia dihukum penjara dan dibuang kerja. Yang satu lagi terlepas. Itu soalnya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi ini bergantung kepada the seriousness of the particular case.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tidakkah keterlaluan Kementerian Pelajaran telah membuang kerja dua orang ini. Jikalau misalnya yang dikatakan tadi orang yang bukan Islam, tetapi mengikut zina, Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada willingness iaitu kalau si lelaki hendak dan si perempuan pun hendak, sungguhpun itu dikatakan zina, tetapi tidak ada kesalahan. Apa sebabnya Kementerian Pelajaran buang dia kerja?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada willingness tidak zina (*Ketawa*).

Dato' Haji Mohamad bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beri penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Haji Mohamad bin Nasir: Masalah khalwat ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menerangkan kepada Dewan ini iaitu Undang-undang Syariah yang ada sekarang yang sedang dijalankan dalam mahkamah iaitu pihak Islam sahaja yang akan dikenakan hukuman. Oleh memandangkan kepada soal ini merupakan morality bagi sesebuah negara, satu jawatankuasa telah diwujudkan bagi menimbang kes ini iaitu sekiranya orang yang tidak beragama Islam melakukan berkhalwat ataupun satu kes yang ada berkenaan dengan Mahkamah Syariah kalau perkara itu ada hubungan dengan morality maka itu akan dijadikan hukuman. Jadi, sekarang sedang dikaji masalah ini.

PEKERJA BUMIPUTRA DALAM SYARIKAT

11. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sikap Kementerian tentang syarikat-syarikat yang masih tidak mahu mengambil 30% pekerja Bumiputra pada semua peringkat pekerjaan mengikut Dasar Ekonomi Baru, dan sekiranya amalan demikian berlanjutan, nyatakan sama ada Kementerian boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, peranan Kementerian saya dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk

mempertimbangkan komposisi tenaga kerja di negara ini, adalah melalui nasihat dan gesaan dan tidak melalui undang-undang. Ini dilaksanakan melalui pemeriksaan-pemeriksaan dan lawatan-lawatan yang kerap dijalankan oleh pegawai-pegawai dari Kementerian saya ke tempat-tempat pekerjaan serta menerangkan kepada majikan-majikan yang berkenaan mengenai dasar Kerajaan dan peranan mereka untuk menjayakan rancangan ini.

Di dalam syarikat-syarikat yang diberi taraf perintis, pengambilan pekerja-pekerja adalah melambangkan komposisi kaum di negara kita, kerana ini adalah merupakan satu daripada syarat-syarat yang dikenakan apabila mereka diberi taraf perintis.

Mengikut kajian yang dijalankan, pada akhir tahun 1977 jumlah pekerja-pekerja yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat yang diberi taraf perintis ialah seramai 132,372 orang. Dari jumlah ini lebih kurang 53% adalah dari pekerja Melayu 31% dari pekerja China dan lebih kurang 14% dari pekerja keturunan India.

Di dalam syarikat-syarikat yang bukan bertaraf perintis, terutama sekali syarikat-syarikat yang telah lama ditubuhkan keadaan ini mungkin tidak begitu memuaskan. Di syarikat-syarikat ini, proses memperibadikan komposisi kaum tenaga pekerja-pekerjanya mungkin memerlukan masa kerana pengambilan pekerja-pekerja baru akan hanya dijalankan apabila pekerja-pekerja yang lama itu berhenti atau bersara ataupun ketika syarikat-syarikat tersebut berkembang maju. Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk memaksa pekerja-pekerja yang lama diberhentikan hanya untuk tujuan memperibadikan komposisi kaum dalam pekerjaan.

Dasar Kerajaan untuk mencapai matlamat ini adalah merupakan satu rancangan jangka panjang, dan akan dicapai berperingkat-peringkat di syarikat-syarikat yang lama, serta dengan seberapa segera yang boleh di syarikat-syarikat yang baru. Pada amnya tidak ada syarikat yang enggan mematuhi dasar Kerajaan ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Ini bukan saya minta Kerajaan mendesak supaya mengambil

bumiputra 30% yang mana kilang ini kilang lama, tidak. Tetapi bagaimana Kerajaan akan bertindak jika sekiranya satu pertanyaan saya pada masa dulu, saya mengatakan iaitu satu printing press menekan bumiputra supaya dia berhenti kerja. Yang Berhormat Menteri kata, dia sudah siasat dan katanya tidak betul. Semalam kata betul. Jadi saya hendak bertanya jikalau begitu apa tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap kilang tersebut jikalau penekanan kepada bumiputra supaya bumiputra keluar daripada syarikat ini kerana tidak tahan lagi. Apa tindakan akan diambil ke atas kilang-kilang itu.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tindakan daripada Kementerian saya ataupun Kerajaan hanya boleh merupakan nasihat dan gesaan seberapa yang boleh. Dan dalam kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya telah memberitahu kepada beliau seperti saya janji di Dewan ini bahawa hujah-hujah yang dibawa oleh beliau mengenai printing press itu adalah lebih kurang benar dan Kementerian saya sedang mengambil tindakan yang tegas untuk menasihati dan menggesa majikan itu memperbetulkan keadaan di dalam printing press itu.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, dahulu saya telah membangkitkan perkara ini, sebab ada syarikat-syarikat yang menganaktirikan bumiputra dan saya sudah menyebut pegawai bumiputra yang dibuang dengan tidak ada kesalahan. Saya sendiri telah membuat penyiasatan dan Allahyarham bekas Ketua Setiausaha Negara kita yang meninggal ada bersama dalam hal ini. Tetapi saya hendak tahu bagaimana Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan telah diberi nasihat dan diberi tindakan mengikut peraturannya. Dan saya nampak masih ada lagi syarikat ini dan banyak lagi syarikat-syarikat yang saya tahu menganaktirikan bumiputra. Jadi saya hendak bertanya dasar Kerajaan kita 30% hendaklah dijalankan bagi menguntukkan latihan-latihan kepada bumiputra dengan adil, tetapi sebaliknya masih sampai sekarang hanya apabila kita bertanya telah diberitahu, diberi nasihat. Saya mahu ketegasan Kerajaan dalam hal ini supaya matlamat kita 30% dalam mana-mana Dasar

Ekonomi Baru kita ini terutama dalam syarikat-syarikat dapat diperseimbangkan dengan adil. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keterangan dan mengambil tindakan yang sebenar-benar mengikut lunas negara kita.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerja bumiputera atau yang lain yang dibuang kerja dengan tidak ada sebab, kita memang mempunyai undang-undang yang boleh menyelenggarakan kekurangan itu melalui Industrial Relations Act. Dan saya harap Yang Berhormat Senator juga dapat menasihatkan kepada sesiapa pun sama ada bumiputera atau bukan bumiputera untuk menggunakan kemudahan di bawah Industrial Relations Act jika mereka memikir bahawa mereka telah dibuang kerja dengan tidak ada sebab-sebab yang munasabah dan mengenai pekerja-pekerja yang dianaktirikan ini bumiputera khususnya, saya harap dapat komplek yang tertentu dan kita akan siasat dan mengambil tindakan yang tegas untuk memperbaiki keadaan di tempat-tempat itu.

Mengenai tindakan atau soal yang am yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi mengenai dasar Kerajaan, saya ingin menerangkan bahawa dasar Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru bukan sahaja untuk mencapai sekian peratus pekerja-pekerja bumiputera di kilang-kilang, tetapi untuk memperimbangkan segala kaum yang ada di dalam negara Malaysia ini dan Kerajaan ini tegas di atas dasar yang dilancarkan itu dan seperti yang saya katakan tadi pencapaian di atas pelaksanaan dasar ini adalah memuaskan dan kita sendiri mempunyai harapan bahawa kita akan mencapai dasar ini dengan sepenuhnya dalam masa yang ditentukan untuk pencapaian dasar ini. Sekiranya ada komplek-komplek yang tertentu atau tempat-tempat di mana dirasai kekurangan yang buruk, saya harap dapat makluman.

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN— KENAIKAN DARJAH SECARA OTOMATIS

12. Tuan Ismail bin Hashim (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau puas hati dengan kenaikan darjah secara otomatik di sekolah-sekolah rendah kebangsaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati dengan sistem kenaikan darjah secara otomatik di sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Sistem ini telah diadakan setelah banyak kajian dan rancangan telah dibuat. Kemajuan murid-murid telah dinilai (monitored) melalui ujian diognestik darjah Tiga dan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Selain daripada itu, tiap-tiap sekolah menjalankan ujian-ujian penggal. Ujian-ujian tersebut dapat menentukan satu taraf yang memuaskan dari segi pencapaian pendidikan di semua sekolah. Tambahan pula Pengelola-pengelola di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri mengambil tindakan susul terhadap laporan-laporan daripada nazir-nazir sekolah untuk memastikan bahawa pengajaran yang sewajarnya dijalankan di sekolah-sekolah.

Kementerian saya juga memperkenalkan secara beransur-ansur pengajaran pemulihan kepada kanak-kanak yang lemah dan lembab. Dengan itu dapat dipastikan bahawa peluang diberi kepada semua kanak-kanak yang bersekolah di negeri kita.

KAYU BALAK—KEKURANGAN BEKALAN

13. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa papan di Semenanjung Malaysia pada hari ini kekurangan kayu balak untuk perkilangan; jika sedar, nyatakan sama ada Kerajaan boleh mengenakan syarat kepada pengeksport balak di Sabah dan Sarawak supaya menjual sebahagian daripada hasil mereka ke Semenanjung Malaysia sebagai bahan kilang papan di negara sendiri.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa sebarang ini terdapat kekurangan bekalan kayu balak daripada mutu tinggi dan khususnya bagi jenis-jenis yang biasa yang dieksport keluar negeri. Masalah ini bukan sahaja dialami oleh kilang-kilang papan tetapi dialami juga oleh kilang-kilang papan lapis veneer. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menerangkan bahawa perkara ini bukanlah satu masalah yang dihadapi di

negara ini sahaja tetapi ianya adalah merupakan satu masalah serantau. Ini adalah disebabkan bahawa permintaan untuk kayu-kayan keras tropika adalah melebihi sumber kayu-kayan yang boleh dikeluarkan daripada kawasan hutan.

Di Semenanjung Malaysia sekarang ini mempunyai kira-kira 576 buah kilang papan dan kira-kira 35 buah kilang papan lapis vincer dengan mempunyai kadar keupayaan memproses lebih lingkungan 6.83 juta cubic tan setahun berasaskan kepada shift operasi. Sekiranya kesemua kilang-kilang ini menjalankan operasinya dalam dua shift maka keperluan tahunan kayu balak bagi kilang-kilang ini adalah dalam lingkungan 15.7 juta cubic tan yang mana adalah jauh berlebihan daripada jumlah sumber jaya yang boleh dan akan dikeluarkan. Dalam tahun 1978 jumlah kayu balak yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia adalah kira-kira 6.8 juta cubic tan. Oleh itu jelaslah bahawa sekarang ini terdapat kekurangan bekalan kayu balak untuk keperluan capacity pemrosesan pertama yang telah bertambah.

Bertambahnya permintaan bagi kayu balak ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama ialah pertamanya bertambahnya permintaan dari luar negeri terhadap kayu tropika sama ada dalam bentuk balak ataupun kayu-kayu yang telah diproses. Keduanya kemajuan ekonomi yang pesat di dalam negeri ini telah menyebabkan bertambahnya permintaan tempatan terhadap kayu-kayan. Ketiganya punca sumber kayu-kayan dari hutan dara telah kehabisan dengan begitu pesat.

Sebagai langkah jangka pendek Kerajaan telah baru-baru ini telahpun mengecualikan cukai impot sebanyak 15% dan cukai tokok sebanyak 5% daripada dikenakan cukai impot ke atas kayu balak yang diimport bukan sahaja daripada Malaysia Timur tetapi juga daripada lain-lain negara, untuk menggalakkan lebih banyak kemasukan kayu balak daripada luar negeri. Perangkaan menunjukkan bahawa sehingga bulan Jun 1979 lebih kurang 11,754 cubic tan kayu balak telah dibawa masuk ke Semenanjung Malaysia daripada Malaysia Timur. Pengalaman kita telah menunjukkan langkah-langkah fiskal sendiri sahaja tidaklah besar

ke Semenanjung Malaysia khususnya daripada Malaysia Timur, oleh kerana 3 faktor yang menghalang:

Pertamanya, kayu-kayu balak daripada Malaysia Timur adalah dijual di pasaran antarabangsa dan oleh itu mendapat harga-harga antarabangsa yang mana adalah jumlah lebih tinggi daripada harga yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Keduanya, kos pengangkutan, perkapalan dan penyelenggaraan bagi kayu balak yang hendak dibawa masuk itu adalah tinggi dan ini menjadi harga yang harus dibayar tinggi dan tidak ekonomik lagi.

Ketiganya, kebanyakan kilang-kilang papan lapis di Semenanjung Malaysia adalah terletak di tempat-tempat yang tidak bersesuaian dari segi punca-punca mendapatkan sumber kayu-kayan dan kilang-kilang ini tidaklah didirikan untuk tujuan memproses kayu balak yang diimport.

Oleh itu, jelaslah sebelum banyak kayu-kayu balak ini boleh diimport di Semenanjung Malaysia, adalah dirasakan bahawa banyak lagi perkara-perkara perlu dijalankan untuk menambah bentuk "physical infrastructure" bagi mengurangkan kos-kos penyelenggaraan dan juga lain-lain kos. Kos pengangkutan dan penyelenggaraan boleh dikurangkan melalui pembelian bekalan yang banyak (bulk purchasing) dan perkapalan yang lebih sempurna (more efficient shipping arrangement). Kementerian saya telahpun mengambil tindakan ke arah ini dan di samping itu pengusaha-pengusaha tempatan juga haruslah bergabung sesama sendiri untuk mengendalikan pembelian kayu balak melalui cara-cara yang telah saya sebutkan tadi. Kementerian saya melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia akan membantu pengusaha-pengusaha kayu-kayan menyediakan pusat-pusat penerimaan kayu balak di tempat-tempat yang sesuai bagi kemudahan dan mengurangkan kos penyelenggaraan.

Semasa lawatan saya ke Sabah pada hari Sabtu yang lalu saya telah berpeluang untuk berbincang dengan ahli-ahli Persatuan Kayu-kayan di Sabah mengenai cadangan untuk mengadakan usaha bersama dan ini dengan berdasarkan kepada pemindahan teknik dan kepakaran daripada Semenanjung Malaysia. Ini akan memberi peluang kepada pengilang-pengilang kayu-kayan di Semenanjung Malaysia mendapatkan bekalan "face vinner" yang bermutu tinggi dan juga kayu-kayan dan seterusnya akan mendatangkan kebaikan bersama kepada Sabah dan Semenanjung

Malaysia. Kilang-kilang kayu papan dan juga kilang-kilang papan lapis yang sedia ada di Sabah adalah mendapati sukar untuk berjalan secara ekonomik oleh kerana kurangnya permintaan tempatan dan juga menghadapi kekurangan pekerja. Sebaliknya, Semenanjung Malaysia telah ada mempunyai pasaran dan tenaga pekerja yang tersedia tetapi sekarang ini mengalami kekurangan bekalan kayu balak daripada mutu tinggi. Saya berasa sukacita setelah mendapati bahawa cadangan permulaan ke arah menggabungkan segala aktiviti-aktiviti dan cadangan usahasama antara Semenanjung Malaysia dan Sabah telahpun mendapat sokongan yang kuat daripada Ketua Menteri Sabah sendiri. Saya suka memaklumkan di sini bahawa saya akan mengadakan satu perjumpaan di Kementerian saya dengan pengusaha-pengusaha tempatan pada hari Khamis ini untuk membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam lagi. Perkara yang utama yang harus diambil perhatian ialah bahawa di dalam mendapatkan kemasukan bekalan kayu balak yang banyak daripada Malaysia Timur, kita adalah perlu untuk mengembangkan perindustrian dan meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di Malaysia Timur juga. Dalam meneguhkan bahagian-bahagian tertentu kita dengan sendirinya akan memperbaiki kedudukan pada keseluruhannya dan dengan ini mencapai satu pertumbuhan dan kekuatan yang seimbang dalam persekutuan. Dengan demikian, kita tidaklah seharusnya melihat pengimportan kayu-kayu balak daripada Malaysia Timur sebagai satu perkara yang terasing tetapi satu perkara yang akan memberi munafaat kepada semua dalam jangka masa panjang. Seterusnya kita juga seharusnya mengambil perhatian bahawa di bawah Perlembagaan Persekutuan perkara-perkara mengenai perhutanan adalah satu perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Terdahulu dari ini, saya telah menerangkan bahawa pengimportan kayu balak ini adalah satu langkah jangka pendek. Ini adalah disebabkan bahawa kita tidaklah seharusnya bergantung sepenuhnya kepada pengimportan kayu balak untuk menyelesaikan masalah kita selama-lamanya oleh kerana akan tiba satu kedudukan yang mana akan berlakunya kekurangan bekalan kayu balak di rantau ini. Apabila kita menjalankan pengimportan kayu balak ini, pengusaha-pengusaha kita akan terpaksa bertanding dengan pembeli kayu balak dalam pasaran antarabangsa seperti Korea, Taiwan dan

Jepun yang mana mempunyai banyak pengalaman, lebih bersatu dan lebih bersedia dalam bentuk perniagaan ini. Oleh itu sungguhpun Kerajaan boleh mengambil beberapa langkah-langkah tertentu untuk menggalakkan kemasukan kayu balak, pada akhirnya pihak pengusaha-pengusaha sendiri hendaklah bersedia untuk membawa perubahan teknikal baru bagi meningkatkan lagi kebolehan-kebolehan mereka, lebih-lebih lagi dalam mengurangkan jumlah pembaziran kayu-kayan yang mana sekarang ini sama ada dibakar ataupun dibuang sahaja. Selain daripada mencemar udara, pembaziran kayu-kayan merupakan satu kerugian yang besar kepada peluang-peluang negara ini. Dalam jangka panjang Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk melancarkan program menghutun semula dengan tujuan untuk menambah sumber kayu-kayan dalam segera ini secara berlarutan.

Saya telahpun berbincang dengan kesemua Pengarah-pengarah Perhutanan negeri di Semenanjung Malaysia mengenai kedudukan kekurangan bekalan kayu balak yang bermutu tinggi sekarang ini dan juga keperluan untuk menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing untuk mengurangkan pengeluaran lesen-lesen kilang papan baru dan juga kilang papan lapis secara *ad hoc*. Mengenai industri-industri baru, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa Kerajaan akan menggalakan perkembangan aktiviti-aktiviti perhutanan yang lain seperti pertukangan kayu, moulding dan lain-lain industri yang mempunyai nilai tambahan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Akhirnya, sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya adalah memandang berat kepada kedudukan bekalan kayu-kayan di Semenanjung Malaysia dan bersedia untuk mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk menjamin supaya pertumbuhan negara tidak akan terjejas disebabkan kekurangan bahan-bahan penting ini. Pertimbangan yang serius adalah sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengkaji semula lain-lain aspek fiscal berkaitan dengan sektor-sektor pengeluaran dan pengilangan kayu-kayan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 34 adalah diberi di bawah ini)

ASEAN—HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN E.E.C.

14. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Luar Negeri menyatakan kemajuan dalam usaha bersama yang telah dijalankan oleh negara-negara ASEAN bagi memperbaiki ekonomi negara-negara ahlinya dan hasil yang telah diperolehi untuk negara kita semenjak ASEAN mengadakan hubungan kerjasama dengan E.E.C.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Dalam bidang kerjasama ASEAN, banyak kemajuan telah dicapai bagi memperbaiki ekonomi negara-negara ASEAN di mana dari masa ke semasa Dewan ini telah diberitahu tentang kemajuan tersebut.

Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai termasuklah industri-industri seperti Urea dan Rock Salt-Soda Ash di Indonesia, Malaysia dan Thailand. Persetujuan juga telah dicapai dalam bidang perdagangan bagi mengurangkan cukai-cukai impot barangan antara ASEAN.

Beberapa projek pertanian akan berjalan tidak berapa lama lagi dalam aspek-aspek makanan, ternakan, perhutanan di mana termasuk juga projek-projek penyelidikan dan penubuhan pusat-pusat penyelidikan dan pusat-pusat pembangunan pertanian. Kesemua ini dapat membantu perkembangan ekonomi dalam sektor-sektor yang berkenaan.

Bidang perhubungan, iaitu salah satu aspek yang dapat membantu perkembangan ekonomi, ASEAN telah bersetuju mengadakan kerjasama dalam kabel dasar laut dan perkapalan termasuk kerjasama tentang kemudahan-kemudahan pelabuhan.

ASEAN juga dalam usaha untuk mengembangkannya sedang dalam proses perbincangan dengan negara maju berhubung dengan pemindahan teknologi dari negara-negara tersebut ke ASEAN.

Berhubung dengan kerjasama ASEAN-E.E.C., ada di antara projek-projek tersebut tadi telah mendapat bantuan E.E.C. di mana Malaysia akan juga turut menerima faedah. Dalam perbincangan-perbincangan ASEAN-E.E.C. atas masalah perdagangan pula, Malaysia juga turut mendapat faedah dari segi penambahan eksport menerusi General Scheme of Preferences atau GSP dan pengurangan cukai-cukai impot oleh E.E.C.

Persidangan perindustrian ASEAN-E.E.C. yang telahpun mengambil tempat sebanyak dua kali dijangka akan menambah lagi pelaburan modal E.E.C. di negara ini. Akhirnya satu Perjanjian Kerjasama ASEAN dan E.E.C. sedang diuruskan dan ini dijangka akan ditandatangani pada penghujung tahun ini.

BEKAS PERAJURIT— PENGANUGERAHAN BINTANG KEBESARAN

15. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan peratus penganugerahan bintang-bintang kebesaran yang diuntukkan kepada bekas perajurit Malaysia pada tiap-tiap hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan tidaklah diberi mengikut mana-mana kumpulan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Bekas-bekas Perajurit yang telah menerima anugerah, Persekutuan dalam masa tiga tahun yang lepas adalah seperti berikut:
 - (i) Pada tahun 1977, seramai 2 orang calon dikurniakan Darjah Kebesaran Kesatria Mangku Negara (K.M.N.);
 - (ii) Pada tahun 1978, 1 orang calon dikurniakan Bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.);
 - (iii) Dan pada tahun 1979, seramai 1 orang dikurniakan Johan Setia Mahkota (J.S.M.), 2 orang dikurniakan Kesatria Mangku Negara (K.M.N.), 2 orang dikurniakan Ahli Mangku Negara

(A.M.N.) dan 4 orang dikurniakan Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.).

DAKWAH SONGSANG

16. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengambil tindakan terhadap pendakwah-pendakwah yang keterlaluan terutamanya mereka yang mendakwah mengenai kaum wanita dengan pelajaran tinggi dan mengenai perkara-perkara yang memecahbelahkan umat Islam.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi golongan yang keterlaluan termasuk orang-orang yang menyampaikan dakwah songsang atau lebih tepat lagi pendia'yah-pendia'yah yang semata-mata mencari kepentingan diri. Undang-undang pentadbiran ugama Negeri-negeri ada memperuntukkan hukuman bagi pendakwah-pendakwah ini malahan adalah menjadi kesalahan undang-undang bagi yang berdakwah atau berdakwah tanpa mendapat tauliah dari negeri.

PEMBINAAN JALAN DI KUALA LUMPUR

17. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Wilayah Persekutuan, kerja-kerja meluaskan jalan-jalan adalah membahayakan pemandu-pemandu kereta oleh kerana kekurangan penghalang-penghalang, lampu-lampu jalan, isyarat-isyarat jalan dan lampu amaran di tempat-tempat berkenaan; jika sedar, nyatakan langkah-langkah telah diambil supaya membetulkan keadaan itu.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn): Kerja-kerja pembinaan dan pembaikan jalan sedang dilaksanakan di Kuala Lumpur dan dari itu sedikit sebanyak menyulitkan pengguna-pengguna jalan. Pengguna-pengguna jalan, walau bagaimanapun, perlu bekerjasama dengan memandu secara berhati-hati dan bersabar kerana kerja-kerja yang dilaksanakan itu adalah untuk memperbaiki lalu-lintas dan apabila siap akan memberi faedah kepada pengguna-pengguna jalan.

Dewan Bandaraya telah mengarahkan kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja tersebut supaya mengadakan isyarat-isyarat, lampu-lampu amaran dan sebagainya ditempat-tempat berkenaan untuk keselamatan pengguna-pengguna jalan.

PELAJARAN COMPULSORY PERINGKAT RENDAH

18. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menjadikan pelajaran peringkat rendah ini sebagai pelajaran compulsory.

Dato' Chan Siang Sun: Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menjadikan pelajaran peringkat rendah sebagai pelajaran compulsory. Rancangan seperti ini mempunyai banyak implikasi dari segi pelaksanaannya.

Walaupun bagaimanapun, jika kita lihat kepada kadar pendaftaran di sekolah rendah kita akan dapati kadar tersebut, iaitu lebih daripada 95% di peringkat sekolah rendah menggambarkan ciri-ciri pelajaran compulsory. Suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa penekanan Kementerian saya bukanlah kepada bentuk atau form tetapi kepada mutu. Tidak semestinya apabila bentuk atau form itu diubah mutunya akan tercapai. Oleh itu Kementerian saya sekarang ini sedang menjalankan berbagai-bagai jenis rancangan pendidikan untuk memperbaiki dan meninggikan mutu pembelajaran di sekolah-sekolah di negara kita.

PERMIT MASUK KEPADA ISTERI WARGANEGARA

19. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebabnya Permit Kemasukan (Entry Permit) susah dikeluarkan kepada isteri seseorang warganegara Malaysia yang berasal dari negara lain.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tidak ada sebarang Undang-undang yang melayakkan seseorang isteri kepada warganegara Malaysia diberi permit masuk secara automatik. Untuk mendapatkan permit masuk

mereka dikehendaki membuat permohonan. Oleh yang demikian, permohonan itu bukan saja dihalusi oleh Kerajaan bahkan memerlukan bukti-bukti nyata serta Kerajaan terpaksa berhati-hati agar permit masuk yang dikeluarkan itu tidak terjatuh ketangan orang yang tidak sepatut menerimanya. Perkara inilah yang menyebabkan permohonan itu mengambil masa dan Permit Masuk tidak dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya oleh Kerajaan.

PENIAGA BUMIPUTRA DI KUALA LUMPUR

20. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang kekurangan tempat berniaga yang baik untuk peniaga-peniaga Bumiputra dalam kawasan Kuala Lumpur; jika sedar apakah langkah-langkah Dewan Bandaraya untuk mengatasi masalah tersebut.

Dato' Hussein Onn: Sejak tahun 1970 lagi, pihak Dewan Bandaraya telah menumpukan segala usahanya untuk mengadakan tempat-tempat perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil Bumiputra di kawasan-kawasan yang dianggap strategik bagi perniagaan keseluruhannya. Kawasan-kawasan di mana gerai-gerai dan tempat-tempat perniagaan kecil yang dibina adalah seperti di kawasan-kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman, di Jalan Raja Alang, Jalan Raja Bot, Lorong Raja Bot, Jalan Haji Hussein, di Leboh Ampang, di Jalan Bukit Bintang, di Jalan Bangsar, di Jalan Shaw, di Kampung Datuk Keramat, Jalan Cheras dan lain-lain.

Bagi kawasan-kawasan di mana kaum Bumiputra banyak didapati berniaga, keutamaan adalah diberi kepada kaum Bumiputra misalnya di Jalan Benteng, Jalan Setor, Jalan Haji Hussein, Jalan Raja Alang, Jalan Raja Bot, Jalan Gurney, Jalan Liku, Jalan Riong, Jalan Sentul Pasar dan lain-lain lagi.

Kawasan-kawasan yang di mana didapati banyak bukan kaum Bumiputra berniaga juga ada dikhaskan tempat-tempat bagi kaum Bumiputra misalnya Jalan Pasar Baru, Pudu, di Kawasan Jalan Petaling dan kawasan di rumah pangsa Razak Mansion dan lain-lain.

Dewan Bandaraya sedang merancangkan beberapa projek-projek bagi penempatan penjaja-penjaja di dalam gerai-gerai dan kedai-kedai dan kompleks Perniagaan Kecil di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan dan projek-projek ini akan mengutamakan peruntukan bagi kaum Bumiputra.

JALANRAYA KUALA LUMPUR— FRASER'S HILL

21. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina sebatang jalan dari Kuala Lumpur ke Fraser's Hill melalui Batang Kali, Ulu Yam, Selangor sebagai satu langkah untuk memajukan bukit peranginan itu serta memudahkan pelawat-pelawat mengunjunginya.

Dato' Lee San Choon: Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk membina jalanraya dari Kuala Lumpur ke Fraser's Hill melalui Batang Kali, Ulu Yam, Selangor.

JALANRAYA KUALA LUMPUR— FRASER'S HILL

22. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada benar bahawa rancangan Kerajaan Negeri Selangor hendak membina sebatang jalan dari Kuala Lumpur ke Fraser's Hill melalui Batang Kali, Ulu Yam, Selangor dalam tahun 1964/1965 terpaksa ditunda kerana kekurangan wang.

Dato' Lee San Choon: Sebagai menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain adalah dimaklumkan bahawa tidak ada cadangan untuk membina jalan dari Kuala Lumpur ke Fraser's Hill melalui Ulu Yam, Batang Kali, Selangor pada tahun tersebut.

MINYAK DIESEL/TANAH— KENAIKAN HARGA

23. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar kesan buruk yang dialami oleh rakyat kerana kenaikan minyak diesel dan minyak tanah yang diistiharkan oleh Kerajaan baru-baru ini, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil dalam hal ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar tentang kesan buruk yang dialami oleh rakyat kerana kenaikan harga minyak diesel dan minyak tanah yang diistiharkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Kenaikan harga ini tidak dapat dielakkan memandangkan kenaikan harga minyak mentah di seluruh dunia. Oleh kerana itu, kenaikan harga minyak diesel dan minyak tanah adalah perlu. Jika harga minyak diletakkan di paras yang rendah di negeri ini jika dibandingkan dengan negara-negara jiran, ini akan menimbulkan masalah penyedupan dan ini tidak akan memberi faedah kepada pengguna-pengguna.

Selain daripada itu, kenaikan minyak diesel adalah sangat minima iaitu 2 sen segelen sahaja. Ini tidak akan membawa apa-apa kesan buruk kepada rakyat. Untuk minyak tanah, subsidi yang diberi oleh Kerajaan pada masa ini adalah sangat tinggi oleh kerana itu kenaikan harganya tidak dapat dielakkan. Juga, kenaikan harga minyak tanah perlu dilakukan untuk mengurangkan perbezaan harga antara minyak tanah dan diesel untuk mengelakkan penggantian dan "Cross Flow" yang mana akan menjejaskan bekalan minyak tanah.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti menampung sebahagian besar daripada kenaikan harga ini melalui pemberian subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga yang lebih tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah memberi subsidi sebanyak 110 juta setahun untuk minyak diesel dan minyak tanah.

PENAGIH DADAH

24. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada bilangan penagih-penagih dadah di Jabatan-jabatan Kerajaan dan Sekolah-sekolah semakin bertambah; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kadar penagihan di kalangan kakitangan Kerajaan pada keseluruhannya telah berkurangan. Pada tahun 1977, seramai 1,039 buruh kasar terlibat berbanding dengan 726 dalam tahun 1978. Sementara itu pada tahun 1977 seramai 220 dalam golongan perkeranian terlibat berbanding dengan 93 dalam tahun 1978. Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/76 memberi tempoh supaya kakitangan-kakitangannya yang terlibat supaya mendapatkan rawatan dan pemulihan. Mereka yang di tangkap selepas tempoh tersebut telah dikenakan tindakan tata-tertib dengan tujuan buang kerja.

Daripada maklumbalas yang diterima tiap-tiap penggal, tidak ada bukti penyalahgunaan dadah bertambah di kalangan murid-murid sekolah. (Saya tidak ada perangkaan mengenai bilangan penagih-penagih di sekolah-sekolah). Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran mempunyai rancangan di mana murid-murid yang disyaki menyalahguna dadah dibawa ke rumah sakit untuk diperiksa air kencingnya. Murid-murid yang disahkan menyalahguna dadah diberi rawatan yang perlu sementara guru-guru panduan memberikan perkhidmatan rundingcara (counselling) selanjutnya.

ISTILAH BUMIPUTRA/BUKAN BUMIPUTRA

25. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengarah akhbar-akhbar tempatan mema'inkan peranan mereka dalam memupok perpaduan negara dengan mengelakkan penggunaan istilah-istilah yang memisahkan rakyat seperti "Bumiputra" dan "Bukan-bumiputra".

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya tidak bercadang mengarah akhbar-akhbar memberhentikan penggunaan istilah-istilah tersebut kerana istilah-istilah ini telah lama diguna bagi membezakan penduduk asal dengan yang bukan penduduk asal.

RANCANGAN KESELAMATAN SOSIAL (SOCSO) BAGI PETANI/ NELAYAN

26. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada rancangan Keselamatan Sosial (SOCSO) untuk petani dan nelayan kita telah dilaksanakan; jika tidak, nyatakan sebabnya.

Tuan K. Pathmanaban: Rancangan Keselamatan Sosial belum lagi dapat dilaksanakan untuk meliputi petani dan nelayan. Ini adalah oleh sebab kedua-dua sekim iaitu Sekim Insuran Bencana Pekerjaan dan Sekim Pencen Ilat yang terdapat di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 tidak sesuai untuk mereka.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sekim Insuran Bencana Pekerjaan memerlukan pembayaran atau caruman dari pihak majikan dan Sekim Pencen Ilat pula memerlukan caruman dari kedua-dua belah pihak, iaitu majikan dan juga pekerja sendiri. Tambahan pula Sekim Insuran Bencana Pekerjaan hanya memberi perlindungan semasa pekerja itu menjalankan tugasnya sahaja. Di negara kita kebanyakan nelayan dan petani bekerja sendiri dan tidak mempunyai majikan. Begitu juga tugas mereka adalah tidak tetap atau terhad seperti seorang pekerja dalam kilang atau pejabat misalnya. Oleh sebab-sebab tersebut jelaslah sekim-sekim yang ada itu tidak sesuai langsung untuk dilaksanakan bagi meliputi petani dan nelayan.

Kementerian saya telah berusaha dengan sedaya-upaya untuk mendapatkan bantuan teknik dari Pertubuhan Buruh Antara Bangsa bagi menolong PERKESO merancang satu sekim yang betul-betul sesuai bagi petani dan nelayan. Malangnya, sungguhpun pada hari ini terdapat 129 buah negara di seluruh dunia yang mempunyai rancangan keselamatan sosial, di kebanyakan

negara-negara itu terutama sekali negara-negara yang sedang membangun, sekim untuk petani dan nelayan belum juga dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian pihak Pertubuhan Buruh Antara Bangsa telah mengalami kesukaran untuk mendapat seorang pakar yang betul-betul faham dalam perkara ini dan telah mengambil masa yang agak lama untuk mendapatkan pakar itu. Walau bagaimanapun saya suka memaklumkan Dewan ini bahawa akhirnya Pertubuhan Buruh Antara Bangsa telah berjaya mendapat seorang pakar yang layak dan beliau akan tiba di Malaysia dalam beberapa bulan ini untuk membantu PERKESO merancang satu sekim yang sesuai bagi petani dan nelayan. Kementerian saya yakin bahawa satu sekim yang sesuai akan dapat digubal untuk mereka yang telah ketinggalan begitu lama.

KURSUS KEMAHIRAN BAGI LULUSAN MENENGAH RENDAH

27. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan memberi ketutamaan kepada murid-murid yang kurang minat di dalam matapelajaran akademik di peringkat SRP/LCE untuk mempelajari matapelajaran seperti memperbaiki motor, alat-alat letrik malahan memandu kereta, lori atau trektor supaya mereka akan lebih bersedia lagi untuk bekerja sekiranya mereka gagal dalam peperiksaan SRP/LCE.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian saya tidak mengadakan kursus-kursus kemahiran seperti memperbaiki motor, alat-alat elektrik dan memandu kereta, lori atau trektor di peringkat pelajaran sekolah Menengah Rendah iaitu Tingkatan I, II dan III.

Walaupun demikian, murid-murid yang berumur masih rendah ini adalah diberi peluang untuk mengikuti satu daripada empat matapelajaran praktikal yang berbentuk asas dan bersesuaian dengan umur mereka di antara 12 hingga 14 tahun. Mata-pelajaran-matapelajaran ini iaitu Seni Perusahaan, Sains Rumahtangga, Perdagangan dan Sains Pertanian adalah untuk membentuk tabiat, penghargaan dan minat yang baik kepada pelajaran dan tugas-tugas

yang bercorak amali dan kreatif. Oleh itu, ianya adalah sebahagian daripada pendidikan am dan bukannya untuk memperolehi kemahiran untuk pekerjaan.

Di peringkat pelajaran sekolah menengah rendah tujuan persekolahan ialah untuk memperkokohkan lagi pengetahuan asas murid-murid dalam pelajaran am seperti Ilmu Hisab, Sains, Kemasyarakatan dan lain-lain lagi bagi membolehkan murid-murid itu memahami selok-belok kehidupan dan keadaan dunia di sekeliling dengan sepenuhnya.

RUMAH MURAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN

28. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kementerian bercadang hendak mendirikan rumah-rumah murah di Wilayah Persekutuan jika ya, bila dan di mana.

Dato' Hussein Onn: Projek-projek perumahan murah di Wilayah Persekutuan adalah di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan bukannya di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Projek-projek tersebut dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 21,660 yunit rumah murah telah, sedang dan akan dibina.

NELAYAN MENANGKAP IKAN DI PERAIRAN INDONESIA

29. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau akan berunding dengan pihak berkuasa Indonesia untuk membolehkan nelayan kita menangkap ikan di perairan mereka demi semangat perpaduan ASEAN.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Kerajaan kita pernah membangkitkan soal tersebut dengan pihak berkuasa Indonesia pada masa-masa yang lampau. Dari rundingan yang diadakan itu, kita diberitahu bahawa Indonesia sendiri mengalami masalah "over-fishing" dan "over-exploitation" di kawasan perairan tepi pantai seperti Selat Melaka. Jadi Indonesia hanya bersedia untuk mengadakan kerjasama melalui usahasama (joint ventures) dalam bidang perikanan di kawasan-kawasan

yang jauh dari pantai. Sekiranya ada nelayan-nelayan kita yang ingin menjalankan perusahaannya menangkap ikan secara usahasama, bolehlah mereka menghubungi pihak berkuasa Indonesia secara langsung. Kementerian saya sedia membantu di mana yang boleh.

Buat masa sekarang Kementerian saya belum ada rancangan untuk mengadakan rundingan baru dengan pihak berkuasa Indonesia mengenai soal ini.

PERMOHONAN KEWARGA-NEGARAAN

30. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebabnya taraf kewarganegaraan tidak diberi kepada anak-anak warganegara Malaysia jika permohonan untuknya dibuat oleh ibu atau bapanya sendiri.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kenyataan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar.

PENDATANG HARAM VIETNAM

31. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram yang terdapat di Malaysia setakat bulan Mei 1979, bilangan yang telah dihantar ke negara-negara ketiga, dan nama-nama negara tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bilangan pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini sehingga 30hb Mei 1979 ialah seramai 71,891 orang.

Jumlah yang telah dipindahkan ke negara ketiga seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Total</i>
1. Austria	113
2. Australia	10,567
3. Belgium	99
4. Canada	3,689
5. Denmark	134
6. France	1,337
7. Hong Kong	49
8. New Zealand	350
9. Norway	2

<i>Negara</i>	<i>Total</i>
10. Netherland	46
11. Switzerland	361
12. Taiwan	2
13. USA	26,754
14. UK	73
15. W. Germany	352
16. Sweden	262
17. Cameroon	3
18. Japan	1
	<hr/>
	44,194
	<hr/>

PERSATUAN PELADANG BAGI PETANI-PETANI

32. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau akan mengadakan satu undang-undang mewajibkan petani-petani menjadi ahli Persatuan Peladang dengan tujuan untuk menyatupadukan tenaga petani, mengumpulkan modal dan menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti kaum tani di negara ini.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Kerajaan tidak bercadang hendak mengadakan satu undang-undang mewajibkan petani-petani menjadi ahli koperasi-koperasi peladang. Langkah ini akan bercanggah dengan kebebasan rakyat dan prinsip-prinsip koperasi antarabangsa yang dipakai oleh gerakan koperasi di negara ini. Pada masa ini kira-kira 300,000 orang petani menganggotai koperasi-koperasi yang berasaskan pertanian. Jumlah ini adalah kira-kira 35% dari jumlah keluarga petani di negara ini. Saya percaya lebih ramai lagi petani-petani akan menganggotai koperasi-koperasi dengan adanya bantuan-bantuan yang disalurkan dan diselaras-kan oleh Kementerian Pertanian.

MEROSAKKAN KUIL HINDU

33. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan caranya Kementerian beliau hendak mengenakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ke atas mereka yang bersalah kerana terlibat dalam perbuatan merosakkan kuil-kuil Hindu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan 22 (1) (n) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara untuk tidak menjawab soalan yang dikemukakan.

PENDATANG HARAM VIETNAM— HUKUMAN

34. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang telah dihukum di Mahkamah-mahkamah kerana kesalahan-kesalahan bersabit dengan pendatang-pendatang haram Vietnam.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bilangan rakyat Malaysia yang telah dihukum di Mahkamah kerana kesalahan-kesalahan bersabit dengan pendatang-pendatang haram Vietnam ialah seramai 37 orang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (16hb Julai, 1979).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad.

3.47 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam dalam menyokong Akta yang ada di hadapan kita ini, gemar saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai Seksyen 17, "Kuasa mengkompaun kesalahan-kesalahan tertentu". Dalam masalah ini dengan adanya peruntukan ini adalah satu usaha yang baik, sebab kesalahan-kesalahan yang dilakukan

oleh pengilang-pengilang ini boleh dikenakan kompaun kepada mereka dan dengan ini akan memudahkan seseorang itu tidak menghadapi dakwaan-dakwa di mahkamah.

Tetapi menurut hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, kuasa ini ada mempunyai kelonggaran, mungkin mudah disalahgunakan oleh Pegawai Pelesen yang tertentu, umpamanya ini mungkin boleh terjadi ke atas seseorang atau sebuah kilang telah melakukan satu kesalahan, Pegawai Pelesen boleh berjumpa dengan mereka boleh menyogokkan, dikatakan mereka diberi notis dengan dikenakan kompaun sebanyak \$1,000. Kalau dengan keadaan \$1,000 ini dibayar, kalau tidak dibayar kes ini boleh didakwa di mahkamah. Menurut sogokan yang kita fikir akan digunakan atas kuatkuasa ini boleh mengurangkan denda ini kepada \$500 dan \$500 lagi boleh diberikan kepada pegawai yang berkenaan. Dengan keadaan ini memanglah seseorang tidak gemar pergi ke mahkamah, mereka lebih suka berunding dengan membayar denda kompaun itu. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat memerhatikan dengan begitu cermat supaya kuatkuasa ini tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Seksyen 19 (1):

“19 (1) Tanggungan orang-orang tertentu bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh syarikat, perkongsian atau kumpulan orang.”

Ini juga patut kita berikan perhatian, sebab kadangkala sesebuah syarikat itu hendak mengelakkan dirinya daripada melakukan kesalahan dalam Akta ini dan mereka disorongkan pada seseorang yang diminta supaya melaporkan kesalahan itu daripada pegawai-pegawai syarikat tersebut maka dikenakanlah kesalahan ini, tanggungjawab itu kepada pegawai yang berkenaan akan terlepaslah juga syarikat ini daripada disalahkan atau sebaliknya boleh dikenakan kesalahan-kesalahan ini kepada syarikat itu dengan tanggungjawab yang dibuat oleh pengurus syarikat itu atau ahli-ahli pekerja syarikat itu yang tertentu sekiranya kejadian ini berlaku kepada orang perseorangan, pada pengurus syarikat itu, syarikat ini juga patut kita berikan amaran sebab mungkin mereka bersabit dengan kejadian-kejadian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian dalam perkara Jadual, Seksyen-kecil 1 (1):

“Hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau daripada menjadi ahli-ahli Majlis; mengosongkan jawatan; tempoh jawatan.”

Jadi masalah yang menjadi ragu kepada saya dan boleh dengan kemurahan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan seseorang itu bila telah dilantik sekiranya melakukan kesalahan akan hilanglah kelayakannya, di antara rupa kesalahan iaitu telah melakukan kecurangan ataupun melakukan keburukan akhlak. Ini saya puji nafsu undang-undang ini sangat baik, sebab mereka yang telah menjadi ahli-ahli Majlis itu kalau berlaku curang atau berlaku keburukan akhlak dengan sendirinya ahli-ahli itu sudah tidak layak lagi menjadi ahli Majlis Penasihat Perindustrian kita. Cuma yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa kesalahan yang disebutkan keburukan akhlak itu, adakah juga manusia ini atau ahli Jawatankuasa Majlis ini yang telah dihukum di Mahkamah Syariah yang sabit kesalahannya dengan denda atau dipenjara maka mereka ini juga tidak layak lagi menjadi ahli Majlis.

Tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah membuat satu pandangan yang sangat baik, kalau seseorang itu telah membuat satu kesalahan di bawah kesalahan Mahkamah Syariah, diserahkan kepada Suruhanjaya Kementerian Pelajaran, maka sabit kesalahan itu, mereka dibuang kerja. Jadi keburukan-keburukan ini juga patut diberikan perhatian kepada ahli Majlis Penasihat Perindustrian kita.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Seksyen-kecil 2 (c), apabila ia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran daripada Menteri. Ini satu kuasa yang baik mengugurkan kelayakan ahli itu yang menunjukkan bahawa ahli ini memang tidak berminat dalam menjadi ahli Majlis itu. Jadi dengan keadaan atau peruntukan ini, saya puji satu peruntukan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam masalah kuorum mesyuarat ini. Dalam Rang Undang-undang ini mengata-kan seksyen 3 (2):

“3 (2) Sembilan orang ahli hendaklah menjadi suatu kuorum di mesyuarat Majlis”.

Yang saya sangsikan, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya hadir dalam mesyuarat ini sembilan orang, tujuh orang daripadanya daripada wakil kilang, hanya dua orang sahaja daripada wakil Kementerian dan membawa usul dalam mesyuarat itu—takdir kata kenaikan satu barang-barang pengeluaran kilang itu. Dalam kuatkuasa ini juga bahawa mesyuarat itu menggunakan undi, bukan menggunakan dengan sebulat suara, bila diundi: tujuh wakil pengilang, dua wakil Kementerian, sudah tentu syor daripada pengilang itu diterima oleh Majlis Penasihat itu. Keputusan ini juga akan diberi kepada Menteri. Jadi saya sangsi dalam sembilan orang ini kalau boleh dibuat empat daripada wakil pengilang, empat daripada Kementerian seorang pengerusi, itu adalah tepat bila membahaskan atau mengambil keputusan sesuatu mesyuarat. Saya tidak dapat memberikan penuh kepercayaan atas masalah yang ada peruntukan sekurang-kurangnya ada kuorum sembilan orang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan dalam Rang Undang-undang ini berhubung dengan Seksyen 5 iaitu bayaran elaun kepada ahli-ahli dan ahli gilir. Yang pertama saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri dalam ahli-ahli ini disebut tujuh orang daripada wakil Kementerian, tujuh orang daripada wakil perkilangan, dua bebas, tidak disebut ahli gilir. Ahli gilir ini, saya kurang faham. Kalau boleh dapat diberikan penjelasan apakah kedudukan ahli gilir ini, ahli gilir ini pula berhak menerima bayaran elaun ketika mereka menghadiri mesyuarat. Jadi sama ada mereka tiap-tiap kali mesyuarat setahun dua kali atau berapa kali, ahli gilir ini juga siapa yang mengangkat, apa kuasanya duduk dalam Majlis itu. Kalau dia tidak mempunyai suara, mempunyai kuasa, ahli gilir ini akan membincangkan mesyuarat Majlis Penasihat itu menurut hemah saya dan pembayaran yang hendak diberi kepada ahli ini, saya juga kurang

pasti sama ada pembayaran elaun harian, bermalam ataupun sebanyak mana yang patut diberi oleh Kementerian kepada mereka yang menjadi ahli Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya beri sekali lagi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam masalah kilang perusahaan hendaklah memandang lebih luas dalam segi menarik pelaburan luar dan dalam negeri supaya mendirikan kilang-kilang daripada hasil bahan mentah dalam negeri kita ini seperti getah, bijih timah, minyak kelapa, jenis pertanian, perikanan, perhaiwanan, memotong berlian dan mutiara, kilang, kilang perubatan yang secukupnya dengan wujudnya Majlis Penasihat Perindustrian ini. Saya mengharapkan bahawa perkilangan yang hendak diwujudkan itu biarlah banyak perkilangan yang menggunakan tenaga buruh manusia.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga dapat memperbaiki hak-hak tenaga buruh kita yang ada kaitan dengan perindustrian dalam semua peringkat kerana selama ini menurut hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, tenaga-tenaga pekerja kilang dalam tanahair kita ini adalah terdedah kepada berbagai masalah. Bukan sahaja masalah pembayaran gaji yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat rakan-rakan sejawat saya, tetapi juga termasuk bahan-bahan yang merbahaya dari segi kesihatan, kerana negara kita ini hendak dijadikan negara industri yang maju pada masa akan datang. Kalau kita tidak perhatikan dari awal kita khuatir pekerja-pekerja kita akan menerima penyakit barah yang akan dihadapi oleh mereka.

Kita sedar selain daripada pembangunan ekonomi diteruskan selama itulah mutu kehidupan rakyat jelata akan terancam kiranya masalah ini kita tidak atasi dari awal, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Akta ini gemar sekali lagi saya mengulangi apa yang saya cakapkan semalam bahawa kita hendaklah mewujudkan Akta Penyelesaian Perindustrian ini bercorak ala-Malaysia iaitu boleh mengambil tindakan beberapa kali pindaan yang sesuai dengan

keadaan masa, tetapi janganlah menggugat, mencabul matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam bidang perindustrian dan perusahaan. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan sokongan.

4.02 ptg.

Tuan Alexander Y. L. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta Penyelesaian Perusahaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini adalah kali pertama saya diberi kehormatan berucap di Dewan ini, dan saya ingin mengambil kesempatan ini menyampaikan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, akan kata-kata aluannya menyambut kehadiran saudara saya, Senator Phua Cheng Leong dan saya ke Dewan ini. Saya pasti ia akan bersetuju dengan saya bahawa kita akan menerima faedah yang mendalam dari pengalaman yang diperolehi sebagai seorang Ahli Dewan Negara dan juga kami berharap, kami dapat memberi sumbangan-sumbangan yang membina kepada Dewan.

Ramai dari saudara-saudara Yang Berhormat telahpun berucap di Dewan ini menyambut dengan baik pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta ini. Saya berharap bahawa apa yang akan saya perkatakan tidak hanya menjadi ulangan-ulangan kepada apa yang telah mereka katakan.

Pertama sekali, saya ingin menyambut peruntukan-peruntukan yang meluaskan perkara-perkara berhubung dengan rayuan. Adalah jelas bahawa Akta yang asal itu terlalu sempit dalam menyediakan hak untuk membuat rayuan dan hanya bagi kes-kes di mana permohonan lesen telah ditolak. Bagaimanapun saya berharap Menteri dapat menyelesaikan semua rayuan-rayuan dengan cepat. Ada pepatah yang mengatakan: "Pengadilan yang dilambatkan adalah pengadilan yang tidak diberi" (justice delayed is justice denied). Dan di dalam segi ini, saya ingin mengetahui berapakah rayuan-rayuan yang dibuat setakat ini dan berapa cepatkah rayuan-rayuan ini diselesaikan?

Satu perkara lain yang saya pasti sektor swasta akan bersetuju ialah pembentukan satu Majlis Penasihat. Majlis Penasihat ini, saya harap akan bertindak sebagai satu alat

mengkaji dan menentukan pelaksanaan-pelaksanaan yang salah dari Akta tidak dibuat dan juga saya berharap ia akan mengemukakan perkara-perkara yang di mana ketidak-adilan berlaku terhadap pelabur-pelabur dan pada masa yang sama, ahli-ahli dapat menentukan pelabur-pelabur tidak mengambil kesempatan dari dasar Kerajaan dan mengamalkan perbuatan salah yang merugikan orang ramai seperti mengambil keuntungan yang besar. Jadi adalah satu perkara yang penting bahawa semasa melantik ahli kepada Majlis ini, Menteri harus berhati-hati dan melantik hanya mereka yang berkebolehan dan juga mempunyai masa yang cukup untuk Majlis yang penting ini. Kita juga sering mengalami perlantikan ahli-ahli jawatankuasa kepada berbagai majlis jawatankuasa yang bertanggungjawab kepada majlis-majlis jawatankuasa yang lain sehingga mereka tidak mempunyai masa menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan kehadiran mereka di majlis-majlis ini mempunyai kesan buruk terhadap majlis jawatankuasa ini malah, walaupun mereka ini orang-orang kenamaan, perlantikan mereka menjadi satu penghalang untuk melantik seorang yang lain yang tidak begitu terkenal tetapi berkebolehan dan mempunyai masa yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti rakyat negara ini serta mereka yang berkemungkinan menjadi pelabur-pelabur di sini sedar akan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kita membaca tentangnya dalam akhbar-akhbar dan kita juga membaca tentang setakat mana penglibatan Bumiputra di dalam permodalan dan pengambilan pekerja. Angka-angka telah diberi bukan sahaja oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi juga oleh Menteri-menteri yang lain. Tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan yang jelas telah dibuat dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru terhadap penyertaan bumiputra. Walau bagaimanapun, satu pencapaian yang berkesan tentang penyertaan bumiputra dalam Dasar Ekonomi Baru kita tidak boleh tercapai dalam masa satu malam. Malah peruntukan jangka masa 20 tahun bagi pencapaian 30% dalam sektor "corporate" hanya menyediakan masa untuk satu generasi saja. Harus diingat bahawa sektor-sektor bukan bumiputra yang membina hak mereka di Malaysia telah mengambil beberapa generasi dan sebenarnya, beberapa generasi yang bekerja

dengan tekun dengan mengalami berbagai kesukaran serta pengorbanan-pengorbanan bagi mencapai sebahagian kejayaan. Hanya melalui peredaran masa pemikiran bukan Bumiputra ini telah dimajukan dan kini mereka dapat bertanding dengan orang-orang asing di atas satu batasan yang hampir sama. Bagaimanapun mereka tertinggal sedikit dalam bidang teknologi dan cara-cara pengurusan yang moden dan mereka harus terus berusaha, agar sejajar dengan tingkat pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila melihat sektor bumiputra ini, seseorang harus sedar bahawa untuk membina satu komuniti bumiputra yang teguh di dalam ekonomi negara akan mengambil masa. Saya pasti Kerajaan dan golongan bukan bumiputra ingin sektor ekonomi bumiputra ini menjadi teguh dan dapat bertanding di atas batasan yang sama rata dengan kawan-kawan mereka yang lain. Kita semua ingin sektor ekonomi bumiputra ini mempunyai satu dasar yang teguh supaya ia akan terus berkembang bagi generasi-generasi yang akan datang. Disebabkan inilah seseorang tidak boleh lari terlalu pantas dan kerjasama antara bumiputra dan bukan bumiputra harus diberi masa untuk berkembang agar satu hubungan yang teguh dapat dibentuk. Ahli-ahli bumiputra patut menjadi sekutu yang sebenar dan memberi sumbangan terhadap perniagaan tersebut dan bukan sebagai ahli yang di hadapan (front man) sahaja. Malah jika seseorang inginkan perkahwinan yang kekal, ia tidak boleh mengadakan hubungan suai-mesra yang singkat. Kita tidak mahu sesuatu perkahwinan itu dipaksa atau "shot gun marriage" yang akan berakhir dengan perceraian dan mala-petaka.

Jadi, dalam konteks ini, pembentukan idea-idea dan perlaksanaan-perlaksanaan sesuatu dasar yang memberi kesan kepada pembangunan negara dan suasana baik rakyat kita mesti dilakukan melalui proses perundingan dan persetujuan, dan memberi pertimbangan kepada perasaan-perasaan (sensitivity) kaum-kaum yang lain. Ini telah dinyatakan beberapa kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ini juga menjadi satu rumusan untuk menentukan pembangunan dan masa hadapan negara ini.

Pembangunan komuniti ekonomik bumiputra bukanlah hanya tanggungjawab pelabur-pelabur, sama ada asing atau tempatan.

Komuniti bumiputra sendiri harus memajukan pendirian mereka dalam segi ini. Sekarang di mana kita melihat munculnya bumiputra yang berjaya dalam lapangan perniagaan, seringnya mereka terdedah kepada bumiputra-bumiputra lain yang mempunyai perasaan cemburu dan hasad dengki. Mereka mengalami kerjasama yang kurang bukan sahaja dari sektor swasta tetapi juga dari pegawai-pegawai Kerajaan, yang bersikap bahawa sejak bumiputra ini telah berjaya, tidak ada sebab mengapa mereka harus terus maju. Ini merupakan satu sikap dan pandangan yang sempit kerana semakin maju seorang bumiputra, lebih kemungkinan ia mengajak bumiputra lain mengikut jejaknya. Kalau jalannya dihalang ia tidak diberi dorongan untuk maju, dan tidak dapat menjadi contoh-contoh kepada bumiputra yang lain untuk turut serta. Ada banyak contoh yang boleh diikuti di mana daripada mendekati pegawai Kerajaan, ia lebih rela rakan Tionghuanya berbuat demikian kerana ia lebih yakin mendapat kerjasama. Penerimaan seorang bumiputra yang kaya serta berjaya dalam masyarakat perniagaan dan perusahan oleh komuniti bumiputra adalah sangat penting dalam pembentukan suatu masyarakat ekonomi baru yang teguh.

Dunia hari ini menghadapi satu kegentingan ekonomi yang penting. Negara-negara yang maju sendiri menghadapi masa depan yang kelam kerana kegentingan masa tenaga ini. Negara-negara yang membangun pasti berada dalam keadaan yang lebih sukar. Kita di Malaysia bernasib baik kerana mempunyai sumber-sumber asli tetapi kita tidak dapat melarikan diri tanpa terjejas kerana semua negara-negara bergantung antara satu sama lain dan jikalau dunia Barat mengalami ke-melesetan ekonomi, dengan inflasi yang tinggi, kita pasti merasainya. Tuan Yang di-Pertua, satu cara di mana kita dapat mengatasi masa depan yang sukar ini dengan jayanya ialah menentukan kita menghasilkan pengeluaran yang produktif dan cekap bagi menentukan bahawa kewangan kita digunakan dengan bijaksana ke atas pembangunan dan bagi negara kita untuk maju, kita mesti mempunyai sektor swasta yang teguh yang melabur dalam rancangan-rancangan yang baru dan meluaskan kawasan-kawasan yang wujud bagi menyediakan pekerjaan dan terus meninggikan pengeluaran dan kecukapan. Hanya dengan mempunyai satu taraf tinggi dalam pengeluaran dan kecukapan ini yang kita dapat kurangkan akibat-akibat

awal kemelesetan dan inflasi tetapi untuk mengadakan taraf pengeluaran yang tinggi ini, Kerajaan harus bersikap pragmatic dan pelaksanaan dasar Kerajaan haruslah cepat dan cekap. Kerajaan mesti membenarkan sektor swasta memperolehi keuntungan yang wajar agar keuntungan ini dapat dilaburkan ke dalam ekonomi bagi perkembangan yang lebih. Kita harus tetapkan tidak ada yang mengambil keuntungan yang berlebihan. Pada masa yang sama, kita mesti memberi pelabur-pelabur ini peluang mendapat keuntungan yang wajar asalkan harga-harga mempunyai pertandingan. Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa ini dengan kenaikan-kenaikan harga, saya pasti ramai pengusaha-pengusaha akan meminta dinaikkan harga dan saya harap Majlis Penasihat dapat membimbing Kerajaan supaya sebarang kenaikan harga adalah sedang dan berpatutan dan pada masa yang sama, akan membenarkan pelabur dorongan untuk berterusan. Intinya, bagaimanapun, ialah keputusan-keputusan harus dibuat dengan cepat supaya pengusaha-pengusaha yang meminta kenaikan harga, tidak harus tunggu berbulan-bulan untuk mendapat keputusannya. Bila ini berlaku, bekalan-bekalan terputus yang menggalakkan amalan-amalan pasar gelap (black market) dan mereka yang mendapat kesusahaan adalah sektor-sektor komuniti yang kurang bernasib baik. Jikalau sesuatu kenaikan harga dibenarkan ia harus dibenarkan dengan segera supaya kuasa-kuasa pasaran dapat mengadakan penyelarasan kepada kenaikan ini di dalam masa yang paling cepat. Ketidak tetapan oleh Kerajaan adalah perkara yang paling buruk yang boleh berlaku kepada sektor swasta dan saya berharap bahawa dalam pelaksanaan Akta ini keputusan-keputusan akan diberi dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, adanya Akta Penyelarasan Perusahaan ini di dalam proses perusahaan negara adalah amat penting. Ia boleh memainkan peranan yang utama di dalam menentukan pembangunan perusahaan negara yang betul yang berfaedah kepada pelabur dan orang awam, dan juga Kerajaan, tetapi pada masa yang sama, ia boleh memberi kesan yang mengeciwakan ke atas pelabur dan juga pembangunan. Di dalam menghadapi kegentingan ekonomi dunia ini, kita tidak boleh membenarkan Akta ini mengeciwakan pelaburan. Jadi, dari segi ini, saya ingin menyokong pindaan-pindaan kepada Akta ini.

4.15 ptg.

Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan memberi pandangan saya.

Bil ini telah dipinda tiga kali dengan ini sebabnya banyak orang tidak puas hati. Sebagai negara yang menganut demokrasi supaya semua pihak puas hati, Kerajaan sedia meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 ini yang kita akan luluskan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut kita ambil ingatan iaitu untuk kemajuan industri di mana-mana negara ialah kestabilan politik dan keselamatan dalam negeri itu. Di negara kita ini kedua-duanya ada, politik di negara kita adalah stabil dan keselamatan di negara kita terjamin. Oleh kerana politik kita stabil dan keselamatan di negara ini terjamin maka banyak penanam-penanam modal dari luar negeri telah menanam modal di negara kita ini. Faktor yang menyebabkan keamanan yang kita nikmati sekarang ialah oleh kerana sikap Kerajaan kita di atas perjalanan tugasnya dan menjaga keselamatan di dalam tanahair kita dengan tegasnya. Tugas-tugas ini telah diberikan kepada Pasukan Keselamatan yang bertungkus-lumus siang malam menjalankan tugasnya untuk keselamatan semua di negara yang kita sayangi ini termasuklah industri-industri dan kilang-kilang yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang bekas perajurit (ex-serviceman) suka memberi tahu Dewan ini iaitu pada tiap-tiap tahun lebih kurang 2,000 daripada ahli-ahli Tentera kita diberhentikan (2,000 Army personnel are discharged every year) oleh kerana cukup khidmatnya ataupun pencen. Mereka ini apakala berhenti kelak tidak semuanya menerima pencen, tambahan pula banyak daripada mereka ini mempunyai tanggungan yang besar dengan tidak lagi mempunyai apa-apa pekerjaan. Maka di sini saya suka merayu kepada pihak Kerajaan supaya mendesak industri-industri dan kilang-kilang akan menerima bekas perajurit dengan sebanyak-banyaknya memandangkan mereka inilah yang telah berjuang untuk menentukan keselamatan negara kita terkawal. Oleh itu jasa-jasa bakti mereka patut dikenangkan dengan memberi pekerjaan pada mereka itu, sebagai membalas di atas perkhidmatan mereka yang menyebabkan kestabilan politik

dan kestabilan keselamatan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya telah banyak bercakap semalam, maka saya tidak mahu mengulang-ulangkan lagi. Dengan ini saya menyokong kuat Bil ini untuk diluluskan.

4.20 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang iaitu untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya membahaskan fasal-fasal yang ada di dalam ini, terlebih dahulu saya sukalah memenerik perhatian kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang ini khususnya dalam naskah Bahasa Kebangsaan. Setengah-setengah bahasa yang dijalankan dalam Undang-undang ini, nampaknya aualan bahasa yang tidak boleh diterima oleh Bahasa Kebangsaan kita, begitu juga jalan bahasanya, dengan sebab jalan bahasa yang digunakan setengahnya itu mengikut jalan bahasa Inggeris 100%. Saya bawa contohnya kepada dua perkara sahaja. Yang pertama sekali kepada Huraian di muka 13 mengenai Fasal 6 yang berbunyi:

“Fasal 6 bertujuan membuat pindaan kepada seksyen 10 Akta yang sedia ada dengan memasukkan Jabatan Perangkaan sebagai satu Perbadanan yang kepadanya pengilang dikehendaki, selain daripada pegawai pelesen, memberi penyata-penyata atau lain-lainnya”

Jadi kalau kita baca itu memang tidak faham. “Selain daripada Pegawai Pelesen itu” diletak dicelah-celah, di antara. Kalau mengikut susunan bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan yang kita pelajari sekarang ini ayat “selain daripada Pegawai Pelesen” yang ada ditengah itu, mestilah dimasukkan kemudian daripada “Jabatan Perangkaan”. Maka kita boleh baca begini:

“Fasal 6 bertujuan membuat pindaan kepada seksyen 10 Akta yang sedia ada dengan memasukkan Jabatan Perangkaan selain daripada pegawai pelesen sebagai suatu perbadanan yang kepadanya pengilang dikehendaki memberi penyata-penyatanya”,

baharulah boleh difaham. Jadi saya harap pihak Kementerian di masa yang akan datang apabila membuat Undang-undang ini di dalam Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) patutlah jalan Bahasa Melayu itu dipelihara. Satu lagi cuba kita lihat kepada Fasal 8 Rang Undang-undang ini:

“8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen 13 yang berikut—

13. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) menjadi
- (b) menjadi pemegang suatu lesen . .
- (c) terkilang dengan keengganan meluluskan pemindahmilikan sesuatu lesen, boleh, dalam tempoh empat puluh lima hari dari tarikh keputusan pegawai pelesen itu disampaikan kepadanya, merayu kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan.”

Ini juga tidak berapa faham. Apa pula dalam tempoh begitu begini. Jadi apalah salahnya kalau sekiranya perkataan “dalam tempoh empat puluh lima hari” itu dikebelakangkan. Jadi kita boleh kata begini: Lepas daripada, “Mana-mana orang (a), (b), (c), “boleh merayu kepada Menteri mengikut cara-cara yang ditetapkan” dalam tempoh empat puluh lima hari dari tarikh keputusan Pegawai Pelesen itu disampaikan kepadanya”. Jadi kita kata “boleh merayu” di situ, baru boleh difaham. Lepas (a), (b), (c)” boleh merayu kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan.” Kemudian lepas itu baharulah dikatakan “dalam tempoh empat puluh lima hari”. Itulah kaedah Melayu yang saya pelajari, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi dalam perkara Undang-undang ini memang lain, saya pun tahu, memang dibuat cara lain. Tetapi walaupun cara lain dengan menggunakan koma, menggunakan noktah, tetapi janganlah cara ini hingga mengelirukan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, masalah bahasa yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini, inipun satu perkara yang ajaib juga. Sepatutnya perkara Undang-undang kalau hendak digunakan bahasa di dalam itu, hendaklah bahasa itu bahasa yang standard betul, bahasa yang diakui oleh Dewan Bahasa misalnya. Seumpamanya dalam muka 10 di sini dalam bahagian “JADUAL (Seksyen 11C). Maka di dalam ini dikatakan:

“(1) (a), (b), (c) seseorang yang bankrup atau memohon mendapatkan faedah mana-mana Undang-undang berkenaan dengan

pelepasan bagi bankrap atau si berhutang tak berkemampuan atau membuat apa-apa perkiraan atau penyelesaian dengan si piutang-si piutangnya". Di sini digunakan perkataan "si berhutang" dan "si piutang".

Jadi berhutang ini biasanya dalam Bahasa Melayu adalah perbuatan (verb) atau fa'el dalam bahasa Arab. Orang putih kata verb barangkali, saya pun tidak berapa mengerti bahasa Inggeris. Jadi "berhutang" ini verb, si berhutang ini orang, baiklah. Perkataan "si berhutang" bermakna orang yang berhutang, orang yang meminjam. Tetapi piutang pula kenapa tidak dikatakan "si berpiutang", dikatakan "si piutang" pula. Di dalam Bahasa Melayu hutang piutang, "hutang" maknanya meminjam "piutang" orang yang memberi pinjam. Ini dua perkataan, "hutang piutang". Tetapi di dalam menggunakan bahasa di sini satu dikatakan "siberhutang", satu "si piutang". Ini tidak kena. Kalau hendak di katakan "si berhutang" katakanlah si berpiutang". Tetapi yang moleknnya tak usahlah kata "si berhutang" katakanlah "yang berhutang." Yang berhutang itu menunjukkan orang yang membuat perkara itu. Begitu juga Perkataan "yang berpiutang" bukankah lebih molek. Jadi itulah saya kata dalam perkara Undang-undang seperti ini oleh kerana ia dibuat di dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan sedang berkembang maka hendaklah digunakan perkataan-perkataan-perkataan yang benar-benar boleh dipegang yang tidak cacat ataupun boleh menjadikan perkara itu boleh ditakwil oleh orang kerana perkara Undang-undang ini akan dibawa dalam mahkamah, apabila dibawa dalam mahkamah akan timbul masalah-masalahnya sama ada dari segi penggunaan bahasa itu sendiri atau dari segi jalan bahasanya (grammatical).

Saya menyokong sangat dalam Fasal 5 Rang Undang-undang ini yang meminda Akta ibu membenarkan pemindahan milik sesuatu lesen dari seorang pengilang kepada seorang pengilang yang lain, dipinda boleh dipindah milik kepada mana-mana orang. Ini satu perkara yang bagus tidak seperti mana Akta ibu dahulu iaitu mengikat dengan kemas-kemin, dengan tidak bergerak. Kalau hendak pindahkan lesen seorang pengilang mestilah lesen itu kepada pengilang yang lain. Tetapi di dalam Akta ini telah diberi kelonggaran iaitu dengan tidak peduli orang yang hendak menerima pemindahan itu sama ada ia seorang pengilang ataupun tidak. Ini bagus, ini adalah luas dan ini adalah memberi

kelonggaran yang menguntungkan kepada ahli-ahli pengilang itu. Kemudian banyak di antara sahabat-sahabat saya di sini membalaskan Fasal 7 berkenaan dengan ditambah Seksyen 11A iaitu menubuh sebuah badan yang dinamakan Majlis Penasihat Perindustrian. Tugasnya ialah menasihati Menteri atas perkara-perkara yang mengenai Akta ini.

Saya nampak semenjak Akta ini dibuat, sudah dua kali dibuat pindaan dan tiap-tiap pindaan yang dibuat dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk diluluskan dan diambil pandangan tiap-tiap Ahli Dewan ini supaya bercakap dan memberi pendapat masing-masing berkenaan apa yang hendak dipinda ini. Ini menunjukkan Ahli-ahli Dewan di sini pendapat mereka mustahak lebih-lebih lagi Ahli-ahli Dewan Negara kerana Dewan Negara ini mempunyai orang-orang yang berkelayakan seumpama lawyer ataupun ahli undang-undang.

Di dalam seksyen ini tujuan menubuhkan Majlis Penasihat Perindustrian ini ialah kerana menasihati Menteri Perdagangan dan Perindustrian atas perkara-perkara yang berhubung dengan Akta ini. Pada pendapat saya patutlah dua tiga orang ahli yang 16 orang itu dilantik daripada Ahli Dewan Negara, sekurang-kurangnya seorang. Carilah mana-mana orang yang bertaraf doktor ataupun lawyer dan sebagainya duduk situ. Janganlah dibiarkan semua sekali orang-orang yang di dalam itu wakil-wakil kementerian, wakil perindustrian dan sebagainya, kerana apakala undang-undang dibawa ke sini kita akan mendengar kritik-kritik daripada Ahli-ahli Dewan ini.

Pada pendapat saya, kalau boleh, daripada fasal yang ada itu daripada (a) hingga (j) yang mana (j) itu ada kuasa pihak Menteri melantik 2 orang yang bebas. Patutlah 2 orang itu diambil daripada Ahli Dewan ini.

Saya menarik perhatian kepada Seksyen 11A (3) yang baru. Menteri boleh membatalkan perlantikan seseorang ahli Majlis tanpa memberi apa-apa sebab dan pembatalan itu adalah muktamad. Ini pada pendapat saya tidak patut dilakukan begitu. Kerana apa saya katakan tidak patut, ialah kerana ahli-ahli Majlis yang 16 orang itu adalah orang yang bermaruah belaka dan telah dicatitkan di dalam Jadual (Seksyen 11C) itu ahli-ahli itu dilantik selama 2 tahun. Apakah yang berhajat kepada dipecat tanpa apa-apa sebab?

Misalannya katalah macam saya dilantik menjadi ahli di situ. Saya tidak tahu apa sebab saya dipecat. Kemudian saya tidak boleh merayu ke mana-mana kerana ini muktamad. Padahal sudah ditegaskan di sini mengatakan lantikan selama 2 tahun sahaja, sudah ditetapkan begitu. Hilang kelayakannya sebagai ahli Majlis jika ia tidak sempurna akal, jika ia tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan sebagai ahli, seorang yang didapati bersalah kerana kecurangan atau keburukan akhlak, orang yang bankrap dan tidak mampu membayar hutang yang dikatakan si berhutang dan si berpiutang tadi. Jadi kalau sudah ada sifat-sifat yang seumpama ini yang boleh melucutkan seseorang itu menjadi ahli Majlis Penasihat Perindustrian, apa perlunya pula Menteri itu dengan tidak semena-mena pecat orang ini. Pecat dengan tidak payah memberi sebab dan pemecatan itu adalah muktamad. Itu pada pendapat saya tidak kena, patutlah pihak Kementerian fikir semula kerana janganlah mencacatkan ataupun menjatuhkan maruah kepada ahli yang berkenaan itu.

Di dalam Rang Undang-undang ini juga, kesemua ahli-ahli ini dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian kecuali seorang sahaja iaitu Pegawai Pelesen bagaimana yang tercatat di dalam Fasal 4; dia dilantik oleh Perdana Menteri. Jadi saya juga tidak berapa faham, fasal apa Pegawai Pelesen yang seorang ini sahaja dilantik oleh Perdana Menteri manakala yang lain itu dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Dengan sebab ada kuasa, barangkali Pegawai Pelesen ini banyak kuasanya. Kuasa Pegawai Pelesen ini boleh mengkompaunkan kesalahan pada bila-bila masa sebelum bermulanya pendengaran kes. Kalau sekiranya ada kes-kes kesalahan dihadapkan ke mahkamah, dalam mahkamah itu pun sebelum dibicarakan kuasa Pegawai Pelesen ini boleh kompaun sampai kepada taraf maksima. Maksimanya ialah \$2,000 dan boleh dikurangkan ikut kehendaknya walaupun \$1 ataupun \$10. Di dalam fasal ini pula tidak menyebutkan Pegawai Pelesen ini boleh kompaun banyak mana, berapa kali kepada sesuatu syarikat yang didapati salah. Di sini ada prejudice, ada menimbulkan keraguan, Tuan Yang di-Pertua. Kerana sebagaimana yang kita tahu Pegawai Pelesen ini bukannya hakim, pengetahuannya tidak sampai kepada taraf hakim. Yang keduanya, dia manusia biasa macam kita juga. Kalau

sekiranya Pegawai Pelesen ini sakit hati kepada mana-mana syarikat, maka pada pandangan dia ada salah sahaja, dia kompaun kesalahan itu \$2,000. Pada bulan hadapan dia kompaun lagi \$2,000. Jadi kompaun itu muktamad, tidak boleh merayu lagi. Tidakkah aniaya kepada syarikat itu dibuat oleh Pegawai Pelesen ini iaitu kompaun ikut suka hatinya, berapa kali yang dia suka. Sebaliknya kalau dia hendak tolong syarikat itu dia kompaun \$10 sahaja. Walaupun kesalahan itu dia nampak betul-betul salah, tetapi dia tidak bawa kepada mahkamah. Dia cuma kompaun \$10. Kalau ada salah lagi, dia tolong lagi—kompaun \$10. Kalau ada salah lagi, dia tolong lagi—kompaun \$10 sahaja.

Jadi dua perkara dia kena buat. Pertama dia tekan betul-betul ke atas pengilang ini dan kedua dia tolong betul-betul. Dengan cara ini saya fikir tidak kena juga. Sepatutnya di dalam Undang-undang ini menyebutkan boleh dikompaun kepada mana-mana pengilang tidak lebih daripada dua kali sahaja. Kali yang ketiga mesti dibawa kepada mahkamah. Biar keputusan mahkamah, mahkamah tengok adakah dia bersalah ataupun tidak. Selepas daripada itu baru dia hendak kompaun pula. Bukan maknanya terserah kepada Pegawai Pelesen yang boleh kompaun bila-bila masa, banyak mana yang dia suka dengan kehendak hatinya.

Itulah perkara-perkara yang saya nampak. Perkara-perkara lain banyak telah dibincangkan oleh sahabat-sahabat yang terdahulu.

Satu lagi saya juga menyebut di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan lawatan ke luar negeri oleh Timbalan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir baru-baru ini yang juga sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Dalam rombongannya yang tiap-tiap kali beliau ke luar negeri, beliau membawa bersama-sama wakil-wakil daripada swasta dibawa juga wakil-wakil daripada negeri-negeri. Tetapi saya nampak wakil-wakil yang dibawa itu tidak menyeluruh. Ada negeri yang dibawa, ada negeri yang tidak dibawa. Ini adalah mendatangkan perasaan tidak senang hati kepada negeri yang tidak kena bawa. Mengapa negeri itu ada wakilnya dalam rombongan beliau

manakala negeri ini tidak ada wakilnya. Sepatutnya di dalam rombongan yang seumpama ini ianya menyeluruh tiap-tiap negeri itu ada wakilnya sekurang-kurangnya seorang, kerana di dalam tiap-tiap negeri itu ada Perbadaan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing. Jadi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing tugasnya iaitu membanyakkan pelaburan di negeri itu dan mengusahakan supaya mendirikan industri-industri.

Sebagaimana yang kita tahu sekarang ini Malaysia ada mempunyai 14 buah negeri di dalamnya, tiap-tiap negeri itu berebut-rebut, berlumba-lumba mencari pelabur-pelabur asing datang mendirikan kilang-kilang dan menanamkan modal di dalam tiap-tiap negeri. Tiap-tiap negeri mempelawa dengan syarat-syarat yang longgar kerana hendak menarik pelabur asing ke dalam negeri itu. Tidak memadai dengan mengikuti di dalam rombongan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri negeri itu pula buat rombongan sendiri pergi jemput. Beginilah caranya negeri Malaysia kita, negeri yang kita menaruh harapan, maka tiap-tiap negeri itu berlumba-lumba mencari pelabur asing. Maka dengan cara ini, saya bimbang benarlah kepada nasib Malaysia yang akan datang, dengan sebab berlumba-lumba, negeri-negeri itu menerima pelaburan asing kepada negerinya boleh jadi pada suatu masa akan merugikan Malaysia sendiri. Lebih-lebih lagi saya telah suarakan di dalam Dewan yang mulia ini pada masa dulu kenapa tidak ditetapkan di dalam Malaysia ini 14 buah negeri. Mana negeri yang dinamakan negeri perindustrian, mana negeri yang patut dinamakan negeri pertanian, mana negeri yang dinamakan negeri perancangan. Tidakkah sama, misalnya, Pulau Pinang walaupun ia berupa pulau, di satu masa hendak dijadikan negeri perindustrian, ia juga hendak menjadikan negeri pertanian dan dalam satu masa juga menjadi negeri perancangan. Ini tidak jadilah, Tuan Yang di-Pertua. Patutlah pihak Kerajaan Pusat ini ditetapkan, Pulau Pinang tidak boleh jadi negeri pertanian kerana tidak sesuai dengan iklimnya dan tanahnya kurang. Patut ia menjadikan negeri perindustrian dan perancangan sahaja misalnya, ditetapkan begitu.

Kalau sekiranya ia kekurangan di dalam bahagian pertanian, ia tidak boleh disalahkan kerana ia bukan negeri pertanian. Tetapi sebaliknya, macam negeri Pahang yang tanahnya luas, dan negeri Trengganu patutlah ditetapkan negeri pertanian, kurangkan di dalam perkara yang lain. Maka di dalam bahagian-bahagian yang semacam inilah saya fikir, kalau tidak buat perkiraan daripada sekarang dan dibiarkan begitu sahaja kepada keadaan masa, saya fikir banyak merosakkan daripada faedah.

Pada akhirnya, saya tidak hendak bercakap panjang dengan sebab banyak kawan-kawan saya yang sedang menunggu, saya hanyalah menyokong pada dasarnya Undang-undang ini.

4.43 ptg.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Penyelarasan Perindustrian 1975.

Dalam pertumbuhan industri di dalam negara ini, kita tidak dapat hendak menafikan ini sebuah negara yang maju, yang alam semula jadinya mengandungi berbagai pertumbuhan perusahaan yang memberi untung, yang jarang ada dalam dunia ini semacam negeri kita ini. Jadi, saya tidak ragu-ragu industri Malaysia yang ada dan yang maju kemuka kalaupun tidak dapat mengalahkan Jepun dan Amerika, tetapi kita akan setanding jikalau benar-benar Menteri yang berkewajipan memandang jauh ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyebut yang belum disebut. Kalau kita menilik kepada suasana sejarah industri seluruh dunia ini membangun seperti kata sahabat saya bukan memakan masa satu hari, tetapi lama, tetapi harus kita menyesuaikan dengan alam Malaysia kita ini. Jadi saya hendak mengusulkan kepada Menteri yang berkenaan bukan sahaja industri ini dibuat kepada kelompok-kelompok bandar tetapi sekarang haruslah Malaysia ini membuat industri di desa-desa kecil sepertimana dibuat di Indonesia. Tujuannya bagi menampung beribu-ribu orang bumiputra kita yang tidak bekerja di kampung-kampung dan di desa-desa amat genting dipertimbangkan. Saya ulang balik mestilah Menteri yang berkenaan ini memikirkan sekarang dan menganalisa dengan

sewajarnya bagi menumbuhkan satu industri kecil-kecil di desa dan tidak didirikan di bandar-bandar besar sahaja.

Yang kedua, saya hendak menyebut sedikit sebelum saya terlupa iaitu apa yang disentuh oleh sahabat saya yang baharu bercakap tadi mengingatkan kita bumiputra ataupun orang Melayu jangan ingat hendak membangun dalam satu hari sahaja. Ingatan itu amat indah. Tetapi di sebalik ingatan itu tentulah ada udang di sebalik batu. Saya hendak memberitahu beliau ini adalah ingatan dalam satu cerita lama iaitu cerita nanti sebentar. Serupa juga macam ingatan beliau tadi. Saya hendak menyebutkan satu cerita yang tidak ubah tujuan yang semacam itu. Cerita nanti sebentar, nanti sebentar. Ada seorang sayangkan seekor burung serindit. Jadi serindit itu jinak dan dilepaskanlah dari sangkar dan ia berjalan-jalan. Isterinya suruh anaknya tangkap serindit itu dan jangan lepaskan, kerana serindit itu akan lari. Anaknya kata, nanti sebentar. Tidak apa. Tunggu. Dalam dia tunggu-tunggu itu sekali emaknya sebutkan, awak dalam dunia ini mesti waspada ataupun jangan nanti sebentar lekas rebut peluang, masa keemasan itu bukan lama. Begitulah tafsiran cakap dia. Anaknya kata, "tidak apa, nanti sebentar". Akhirnya, serindit yang disayangi itu dicekup oleh kucing seperti kata Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri kita baru-baru ini buat falsafah kucing, akhirnya serindit itu mati.

Jadi saya suka memberitahu sahabat saya itu dalam tuntutan ataupun suara-suara bumiputra yang nyaring bukanlah kita menafikan pembangunan itu dibuat dalam satu hari, tetapi pembangunan pada masa ini bumiputra haruslah mengejar dengan masa. Sebab apabila kita cakap bumiputra adalah adil bukan emosi. Saudara-saudara mesti ingat ini bukan emosi. Dan bukan satu angkara murka tetapi yang sebenarnya satu keadilan yang mesti disuarakan dengan nyata hak bumiputra di negeri ini dan di akui di dalam Perlembagaan Malaysia dan dirukunegerakan. Jadi, saya sukalah mengulang balik, kebangkitan hak bumiputra ataupun pembangunan di dalam perniagaan dan perindustrian kita sebut bukanlah kita pula mengadagada, tetapi yang sebenarnya mesti diambil pengertian dan diambil tindakan yang sewajarnya oleh Menteri yang berkenaan bagi menentukan hak utama yang ada dalam Perlembagaan dan diakui oleh semua bangsa dalam dunia ini. Anak bumi negeri itu adalah

mustahak dan itu adalah keadilan. Kalau dia bangkitkan perkara-perkara nasibnya ataupun hak-haknya adalah adil.

Saya hendak menyebut bukannya datang daripada emosi, bukan ada daripada niat busuk, niat hasad dengki daripada orang lain, tidak. Sebagai seorang Ahli Dewan ini tidak pernah menafikan itu hak-hak saudara-saudara rakyat Malaysia berjuang terus menerus, kami tidak pernah suarakan nanti sebentar, hak saudara-saudara tidak boleh dibangunkan satu hari, tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingatkan terus-terusan, dalam pengertian ini ada dua tafsiran saya untuk mengingatkan hak bumiputra dalam perindustrian atau perniagaan. Perniagaan di kampung dan di bandar bagaimana kedudukan bumiputra saya hendak sebutkan dan semalam telah disebutkan oleh saudara saya iaitu orang Perak banyak buah-buahan. Saya datang daripada Perak dan saya mewakili negeri saya datang ke Dewan ini dan saya hendak sebutkan. Tetapi apa yang terjadi, buah-buahan inipun ada orang tengah, hingga orang-orang tempatan hendak beli pun dengan harga yang mahal sebab sudah diambil oleh orang tengah sudah dibayar dahulu. Ini adalah satu kenyataan, sesiapa pun boleh mendakwa saya sama ada di dalam atau di luar Dewan ini sekiranya saya bercakap bohong. Ini perkara yang sebenarnya dan apa yang akan terjadi dalam negeri kita ini.

Yang kedua, peniaga kecil, peruncit-peruncit. Dia patut dapat barang tetapi sekarang sudah tidak dapat barang kerana disekat oleh orang tengah. Macam mana orang hendak memajukan perniagaannya kerana apabila orang datang barang tidak ada. Ini sebenarnya ada berlaku penyakit orang tengah yang harus mendapat perhatian daripada Kementerian, kalau dapat satu-satu saluran lain baik melalui apa jalan atau badan sekali pun hendaklah dibuat supaya dapat diatasi perkara ini termasuk Jawatankuasa yang akan ditubuhkan mengikut Akta ini hendaklah ingat perkara-perkara yang semacam ini mengenai bumiputra.

Sekarang saya hendak sebutkan perniagaan di bandar. Saya tidak mahu sebut di Ipoh tetapi saya hendak sebut di Kuala Lumpur ini bagaimana kedudukan bumiputra dalam

perniagaan. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu dan kalau tidak betul, nafikan perkara yang saya hendak sebut. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar dalam pembangunan industri kita ini perniagaan dalam negara kita ini apa yang terjadi kepada bumiputra dalam bandar ini sendiri bagaimana kedudukannya. Dalam Wilayah Persekutuan iaitu dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini sahaja kita kira berasaskan kaum-kaum yang berniaga dalam bandar ini begini kedudukannya. Ini mengikut penyelarasan pembayaran daripada cukai pintu. Bilangan peniaga yang terdapat di Bandaraya Kuala Lumpur dan pemberian lesen-lesen perniagaan.

LESEN PERNIAGAAN

<i>Kaum</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Peratus</i>
Bumiputra (kedudukan di bandar yang mencerminkan negara kita sekarang ini) ...	948	8.29%
China	9,133	79.84%
India	1,083	9.47%
Lain-lain bangsa	275	2.04%
Jumlah ...	11,439	100%

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan inilah kedudukan bumiputra yang selalu saya suarakan iaitu tidak lebih daripada 8.29%, padahal kalau kita fikirkan Dasar Ekonomi Baru masih ada beberapa tahun sahaja. Itu hanya kedudukan dalam bandar yang mencerminkan seluruh tanahair kita Malaysia ini, bumiputranya tidak sampai 10%. Dan kepada Ahli Yang Berhormat yang baru bercakap tadi saya suka menyebutkan, ini bukan daripada emosi saya tetapi kenyataan. Kota Rome tidak boleh dibina dalam tempoh sehari semalam, tetapi saya hendak menyebutkan inilah nasib bumiputra 8.9% dan kaum China 79.84%.

Sekarang saya hendak quote lesen-lesen perniagaan kecil dan penjaja di Kuala Lumpur.

<i>Kaum</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Peratus</i>
Bumiputra (yang kecil-kecil seperti jual cendol, jual barang-barang dan lain membayangkan kedudukan bumiputra yang hampir-hampir minta sedekah di tanahairnya sendiri) ...	1,998	15.3%
China	9,970	76.5%
India	1,068	8.2%
Jumlah ...	13,036	100%

Ini adalah contoh perseimbangan di bandar dan di kampung yang sebenarnya berlaku di tanahair kita ini. Saya hendak menyeru dalam pembangunan industri seperti mana yang saya katakan tadi seperti industri kecil di desa, di kampung mestilah ditumbuhkan seberapa segera. Saya tidak mahu dengar satu alasan yang tidak berani atau alasan-alasan tidak boleh kerana tidak ada elektrik dan sebagainya, tetapi secara kecil dengan kebijaksanaan sebagaimana yang telah dibuat di Indonesia seperti yang saya perhatikan sendiri dalam lawatan saya ke sana, tidak sebagaimana di Paris. Saya hanya mahu dibuat seperti yang telah dibuat di Indonesia iaitu industri kampung yang menitikberatkan warganegara kita yang tidak berkerja yang banyak terdapat di sana. Apabila saya sebut kampung bukanlah sebuah kampung tetapi seluruh kampung mengikut peringkat-peringkat yang berpatutan dan lojik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua tiga perkara, tetapi saya rasa tidak penting barangkali sudah diucapkan oleh sahabat-sahabat saya yang lalu, biarlah saya ringkas sahaja. Industri ini hendaklah kita memandang dengan jiwa yang besar dengan semangat yang paling berani, jangan kita tiru seperti orang-orang Eropah atau orang Jepun sahaja, tetapi dibuat secara peribadi rakyat Malaysia sendiri yakni kita percaya pertumbuhan di kampung-kampung. Kita percaya di bandar ini kalau tidak ada orang kampung kita pun tidak boleh jadi, dan kalau tidak ada nelayan, kalau tidak ada petani kita

harus tidak makan. Jadi mestilah ada kerjasama, kalau ada keseluruhan ini tadi semua bangsa dalam Malaysia kita ini bersatu dan orang-orang kaya dan ternama termasuk Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi, kalau dia dapat menumpukan sedikit ke desa, menoleh betapa kesengsaraan orang-orang kita di desa, dia tentu menyokong saya iaitu industri kampung atau industri desa sudah sampai masanya kita timbang secara berat bagi menampung nasib bangsa kita yang malang dan derita.

4.58 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.59 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.15 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam masa membahaskan pindaan Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain menyokong Rang Undang-undang Pindaan yang tersebut.

Setelah saya meneliti Rang Undang-undang ini dan juga mengikuti penerangan yang telah dibuat oleh pihak Menteri yang berkenaan, maka saya suka menyampaikan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian serta Timbalannya, pegawai-pegawai dan kakitangan yang ada di Kementerian berkenaan kerana dengan beraninya membuat pindaan kepada Akta yang ada pada tahun 1975. Dengan harapan supaya pindaan yang kedua atau yang ketiga ini tidak lagi ada apa-apa halangan, ada apa-apa sebab musabab perindustrian di Malaysia ini dapat berjalan dengan pesat

dan dapat dinikmati oleh semua kaum terutama sekali kaum bumiputra di mana setelah kita capai kemerdekaan pada tahun 1975, kira-kira 22 tahun yang lampau, kaum bumiputra cuma dapat melihat adanya perindustrian atau pengilang-pengilang besar dan kecil dan dapat cuma menghidu baunya sahaja kerana sebagaimana yang Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua sendiri maklum, bahawa tidak ada dan tidak nampak kepada saya adanya sebuah kilang yang besar kepunyaan 100% oleh bumiputra. Ini saya bersetuju kalau kita hendak katakan tidak boleh hendak salahkan kepada mana-mana pihak, kerana barangkali pada ketika itu bumiputra tidak merebut peluang seperti ini.

Tetapi setelah kita mencapai kemerdekaan 22 tahun dan bumiputra menerusi UMNO, menerusi Dewan Rakyat, menerusi Dewan Negara yang mulia ini dan menerusi badan-badan lain sering menyuarakan soal ketidakseimbangan antara bumiputra dengan bukan bumiputra dari segi perniagaan yang ada di negara Malaysia ini, dengan sebab itu saya dari awal-awal tadi memberikan setinggi-tinggi ucap tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan harapan supaya pindaan pada kali ini dapat terus berjalan sebagaimana yang telah diberi pandangan-pandangan, teguran-teguran dalam perbahasan kita dalam Dewan yang mulia ini.

Bagi saya, saya suka hendak menitikberatkan dalam perkara pemilihan perlantikan Penasihat, kerana badan inilah yang boleh, yang akan memainkan peranan bagi maksud sebagaimana terkandung di sini dengan tugasnya untuk menasihatkan kepada Menteri yang berkenaan, apakah corak dan bagaimanakah masalah yang patut diatasi keadaan yang ada pada hari ini supaya matlamat kita akan dapat dicapai dalam masa yang sesingkat.

Dalam pembentukan Majlis ini yang seramai 16 orang ini bagi saya jawatan yang penting sekali ialah pengerusi. Sebagaimana yang kita semua maklum dan perkara ini telah disebut oleh rakan-rakan saya sebelum daripada ini kelaziman atau kebiasaan sudah menjadi amalan kepada Kerajaan kita hendak memilih seorang menjadi pengerusi atau sebagainya adalah dipilih daripada pegawai-pegawai Kerajaan terutama sekali Ketua-ketua Setiausaha Kementerian-kementerian.

Saya tidak menafikan kebolehan yang ada pada seseorang pegawai tinggi Kerajaan dengan pengalaman yang begitu lama dalam perkhidmatannya dalam Kerajaan dengan budi bicaranya. Tetapi sebagaimana yang kita semua maklum pegawai-pegawai tinggi itu sudah sampai meningkat umurnya, saya rasa jarang kalau ada orang kurang daripada 50 tahun. Bahkan di antaranya banyak 50-55 tahun umurnya. Kalau seseorang pegawai itu yang sudah meningkat umurnya 50 tahun dan menunggu 5 tahun lagi akan bersara, akan kita bebankan dengan tanggungjawab dan tugas-tugas yang berat, saya rasa tak terpukul oleh pegawai-pegawai yang saya maksudkan tadi.

Di sini mudah sahaja kita buat ibarat, kalau kita membeli kereta yang lama, jangan kata kereta yang buruk, kereta yang lama umurnya, sekalipun badannya cantik, tetapi hakikatnya lama, maka kekuatannya tidaklah bersamaan dengan kereta yang baru atau umurnya yang baru. Saya harap Menteri yang berkenaan sewaktu hendak memilih seseorang menjadi Pengerusi dalam Majlis Penasihat ini perlu diawasi, perlu ditapis dengan teliti dan tidak semesti juga barangkali diambil daripada kakitangan Kerajaan atau pegawai-pegawai tinggi Kerajaan. Kita boleh ambil juga daripada mana-mana pihak, daripada mana-mana orang yang mempunyai pengalaman tetapi tanggungjawabnya tidak banyak hatta kalau perlu bagi maksud hendak menjayakan kehendak kita pada masa akan datang, seorang politician juga barangkali layak menjadi pengerusi. Maka orang seperti ini haruslah dilantik, diberi tanggungjawab menjadi Pengerusi pada Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi yang saya katakan tadi merupakan jawatan yang penting, kerana kalau Pengerusi itu sanggup dan akan memberikan khidmatnya sepenuhnya maka pastilah Majlis yang ditubuhkan ini akan berjaya tetapi kalau Pengerusi itu hanya sanggup menerima jawatan dan akan menjalankan tugasnya apabila ada kelapangan, maka Majlis akan gagal dan sia-sialah adanya pindaan-pindaan Akta ini. Perkara-perkara yang kita kehendaki tidak akan tercapai.

Saya berharap sekali lagi dan saya berharap benar-benar supaya jawatan itu dipilih dengan teliti dan sekiranya didapati

kelemahan di mana-mana sama ada kelemahan dari segi menjalankan tugas ataupun didapati Pengerusi itu menyeleweng daripada tujuannya, maka saya harap juga Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan tidak teragak-agak memberhentikan dan mencari orang lain gantinya. Jangan sampai kata orang, dibiarkan sehingga Majlis itu tidak bergerak langsung.

Saya suka hendak mengesyorkan satu perkara di sini sekiranya dapat diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam pembentukan Majlis ini ada wakil daripada tiap-tiap negeri, tetapi dalam Akta ini tidak ada peruntukan yang boleh menubuhkan Majlis Penasihat seperti itu di tiap-tiap negeri, tetapi saya hendak mencadangkan supaya menerusi budi bicara Menteri Perdagangan dan Perindustrian, patutlah di peringkat negeri-negeri di Malaysia ini ditubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras dengan dipengerusikan oleh wakil negeri yang duduk dalam Majlis Penasihat Pusat itu sekalipun secara rasmi (official) atau tidak rasmi, supaya penyelarasan di tiap-tiap negeri, dan wakil yang tiap-tiap negeri akan menghadiri Mesyuarat Majlis Penasihat di peringkat kebangsaan itu dapat membawa buah pandangan daripada tiap-tiap negeri supaya matlamat kita akan tercapai.

Saya percaya dan penuh yakin bahawa sekiranya seruan ini dibuat oleh Menteri yang berkenaan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri menerusi Menteri Besar dan sebagainya, ini akan dapat sambutan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri kerana kita tahu bahawa perindustrian, perkilangan ada bertaburan di tiap-tiap negeri. Kalau ada badan seperti ini di tiap-tiap negeri, kata orang, perkara yang ada di hadapan mata dengan senang dia nampak, tetapi kalau hanya Majlis ini terletak di Kuala Lumpur, mesyuarat barangkali tiga-empat bulan sekali, wakil-wakil negeri barangkali juga sibuk dengan tugas-tugas lain, maka tidak dapat perkara yang kita kehendaki itu berjalan dengan lancar. Oleh itu, saya harap apa yang saya cadangkan akan mendapat perhatian daripada pihak Menteri yang berkenaan.

Menyentuh dari segi perkilangan dan perindustrian yang ada di Malaysia kita ini, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa pihak bumiputra cuma dapat melihat dengan

menghidu baunya sahaja, seolah-olah cerita orang kaya dengan orang miskin yang dibaca oleh kanak-kanak sekolah. Orang kaya selalu memasak di rumahnya makan yang sedap-sedap tetapi yang miskin dapatlah menghidu baunya sahaja di belakang rumah atau di keliling rumah orang kaya itu. Kalau kita tidak baiki atau tidak disegerakan memperbaiki hal ini, maka saya bimbang pada suatu hari nanti generasi muda-mudi kita sekarang ini, sama ada yang keluar dari sekolah rendah atau sekolah tinggi dengan tidak mendapat tempat, tidak mendapat kerja, mereka akan memerhatikan perkara ini semua, mereka akan memerhatikan ketidak-adilan ini semua dan boleh merosakkan perpaduan kita di Malaysia ini.

Dalam Akta ini juga telah memberi sedikit kuasa, kerana kalau pada masa-masa yang lepas pihak industri tidak mempedulikan sama ada Pegawai Penguatkuasa daripada agensi-agensi yang lain umpamanya kerana mereka tahu bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sahaja yang mempunyai kuasa di atas pengilangannya ataupun dalam industrinya. Tetapi dengan pindaan ini dan lebih jauh yang saya minta supaya pada masa yang akan datang setiap Pegawai Penguatkuasa Kerajaan mahu pun dia itu dari Kementerian yang lain atau dari agensi-agensi yang lain sekiranya perlu dia membuat sesuatu penyiasatan, maka hendaklah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberikan sokongan dan kerjasama supaya Pegawai-pegawai Penguatkuasa itu dapat memasuki kawasan kilangnya untuk memeriksa atau menghalusi sesuatu perkara yang menimbulkan keraguan oleh sesuatu pihak.

Saya menyebutkan ini dan saya suka memberi contoh dalam Lembaga Tembakau Negara. Lembaga Tembakau Negara adalah sebuah badan, sebuah agensi Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama di mana untuk mengawal industri tembakau di Malaysia ini iaitulah terdiri daripada tiga golongan penanam, pengawit dan pengilang selaku pembeli kepada daun-daun tembakau kilang di Malaysia. Pada tahun yang sudah sewaktu desakan daripada meminta supaya Kerajaan menaikkan harga daun hijau dan daun kering dengan alasan cost input dan sebagainya telah melambung naik, maka ringkas ceritanya saya tidak hendak panjangkan

cerita hal itu—ringkas ceritanya sampai ke peringkat Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kos membuat kajian di atas penanaman, di atas pengawitan dan dalam Jawatankuasa itu mendesak supaya Lembaga Tembakau Negara juga mesti menyiasat kos yang ditanggung oleh pengilang-pengilang rokok. Sebatang rokok yang dikeluarkan berapa kosnya supaya hendak menimbangkan berapa patut dinaikkan harga daun untuk faedah rakvat atau petani kita di segenap ceruk Malaysia ini, tetapi sampai ke peringkat itu Lembaga Tembakau Negara sendiri gagal tidak boleh pergi ke kilang-kilang rokok dalam Malaysia ini kerana tidak ada kuasa, pengilang enggan bekerjasama dan tidak akan memberi sebagai kenyataan kerana dia tahu bahawa Lembaga Tembakau Negara tidak mempunyai kuasa hendak pergi check atau hendak pergi membuat penyiasatan di atas pengilang ini. Sama juga dengan pengilang yang ada di Perak iaitu West Coast Manufacturers, ada tiga kilang rokok di Perak. Ketiga-tiga kilang rokok di Perak ini tidak langsung hendak mengendahkan apa juga arahan-arahan yang dibuat oleh Lembaga Tembakau Negara kerana mereka tahu kuasa-kuasa yang saya sebutkan tadi.

Jadi, dengan contoh yang saya sebutkan di sini, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat menyamakan ataupun dapat bekerjasama dengan mana-mana juga agensi Kerajaan yang ingin ataupun yang berkehendakkan penyiasatan-penyiasatan yang rapi pada tiap-tiap kilang itu supaya setiap perkara yang dirancang akan berjalan dengan baik.

Saya teringat kepada satu perkara lagi iaitu dalam tahun 60an, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak menyebutkan tahun yang tepat, tetapi saya percaya rakan-rakan saya barangkali juga mengetahui, Kerajaan ada mengarahkan badan-badan perniagaan ini supaya mengadakan Jawatankuasa Penyelarasan tiap-tiap buah negeri iaitulah terdiri daripada ahli perniagaan daripada bangsa Melayu, China dan India bagi hendak menyelaraskan, menolong dan membantu di antara satu dengan lain.

Saya tidak tahu di mana kedudukannya badan-badan itu sekarang, adakah telah dimansuhkan oleh Kerajaan ataupun dia mati

tanpa kubur? Tetapi sekarang ini senyap tidak kedengaranpun satu-satu negeri ada bermesyuarat di antara dewan-dewan seumpamanya Dewan Perniagaan Melayu, Dewan Perniagaan China dan Dewan Perniagaan India dari segi hendak menyama dan menseimbangkan perniagaan ini tidak ada, kalau ada mesyuarat pun barangkali hanyalah hendak membuat perkara-perkara lain, tetapi dari segi perniagaan tidak. Jadi, kalau satu masa kita mewujudkan satu perkara yang perkara itu pada hemat kita, pada agak kita dan pada pendapat rakyat juga baik patutlah kita kekalkan dia, kita jaga dia supaya perpaduan seperti itu wujud kekal selama-lamanya. Maka dengan kerana tidak adanya badan itu maka sekarang ini timbullah persoalan sejauh mana kejujuran kaum lain daripada kaum bumiputra hendak menolong bumiputra dalam lapangan perniagaan? Ini soalan yang timbul sekarang sejauh mana, tidak ada barangkali siapa-siapa dapat menjawab.

Kalau soalan ini kita tujukan kepada seorang ahli perniagaan yang terbesar misalnya, barangkali dia pun boleh menjawab dari mulutnya, tetapi dari hatinya tidak. Perkara yang sedemikian, saya bersetuju sangat dengan pendapat saudara saya tadi Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Abdullah dari Perak apa yang beliau suarakan tadi saya menyokong penuh supaya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita terima perkara ini dan cubalah sedaya-upaya melaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Kita tahu, kita sedar bahawa kaum bumiputra kita ketinggalan dalam lapangan perniagaan sebelum kita merdeka lagi dan ini kita tidak boleh hendak salahkan semata-mata kepada kaum bumiputra kerana katanya tidak mahu merebut peluang. Tetapi kita dibawa-bawa oleh penjajahan dahulu supaya anak bumiputra Malaysia ini jangan beri dia naik, kalau dia naik barangkali kita tidak kekal pemerintahan kita di negara Tanah Melayu pada ketika itu. Tekanan seperti ini memang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Maka dengan sebab tekanan itu sudah ada lama di Tanah Melayu pada ketika itu maka sebab itulah orang-orang bumiputra kita ketinggalan dan untuk lapangan perniagaan, penjajah sengaja membawa kaum-kaum dari lain-lain tempat menjalankan perniagaan di sini dengan ligat.

Jadi dengan sebab itu orang Melayu ketinggalan, orang kaum-kaum lain telah menjalankan perniagaan dengan ligat tetapi setelah kita mencapai kemerdekaan dua puluh dua tahun ini, maka menjadi kewajiban mutlak kepada Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini menebus balik masa ketinggalan, menebus balik perbuatan jahat penjajah dahulu supaya keadaan yang seimbang ataupun kalau tidak dapat seimbang tetapi capital matlamat 30% penyertaan bumiputra dalam lapangan perniagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat hendak memanjangkan lagi ucapan saya kerana sudah banyak rakan-rakan saya telah memberikan hujah-hujah dan pandangan-pandangannya. Apa yang saya minta sebelum saya duduk supaya Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang pada hari ini diwakili oleh Timbalan Menterinya anggaphlah perkara ini perkara penting, anggaphlah perkara ini tuntutan daripada anak watan bumiputra, supaya matlamat kita sampai, negara kita tidak timbul huru-hara, jenerasi muda kita besok dapat mengikut perhubungan baik di antara semua kaum dan Malaysia ini selamat buat selama-lamanya. Itulah harapan saya, rayuan saya dan permohonan saya dalam Dewan yang mulia ini.

5.44 ptg.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penyelarasan dan Perindustrian 1975. Dengan itu saya suka memberi satu dua pandangan atas Akta ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita dan Kementerian yang berkenaan atas kesediaan meminda Akta ini untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul selepas Akta itu diluluskan pada tahun 1975. Ini bukanlah kali yang pertama Akta ini dipinda, Akta itu juga telah dipinda pada tahun 1977 oleh sebab dalam negara kita Akta Penyelarasan Perindustrian apabila ianya diluluskan menimbulkan keraguan di kalangan kaum peniaga dan juga di kalangan pelabur-pelabur dari luar negara. Jadi oleh sebab itu kesediaan Kerajaan kita untuk meminda

syarat-syarat yang tidak sesuai mengikut pengalaman Kerajaan kita adalah satu tanda dan bukti yang baik bahawa Kerajaan kita bukan sahaja mementingkan cita-cita mulia kita yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru bahkan juga memberi pertimbangan dan pemikiran yang sedalam-dalamnya untuk menjayakan usaha-usaha perkilangan di negara kita.

Negara kita adalah negara yang percaya dan mengamalkan sistem free enterprise dan kita sentiasa hendak menjaga sistem ini. Jika sistem ini gagal atau terjejas ekonomi dan kemajuan negara kita akan terhalang. Umpamanya, apabila Akta itu diluluskan pada tahun 1975 mengikut Laporan Tahunan dan Penyata Kira-kira Bank Negara Malaysia, pelaburan tetap swasta pada awal tahun 1977 adalah masih berkurangan berbanding dengan perkembangan pusingan perniagaan sebelum ini, suasana ekonomi terus dipengaruhi oleh ketidakpastian yang semakin meningkat mengenai prospek pertumbuhan benar di negara-negara perindustrian dan kebimbangan dalam sektor swasta berhubung dengan pelaksanaan Akta Penyelarasan Perusahaan 1975. Ini adalah dari Laporan Bank Negara 1977. Jadi oleh sebab ada kekurangan pada masa itu Akta itu dipinda pada tahun 1977 dan sekali lagi sekarang dan saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita yang sebenar-benarnya mementingkan bukan sahaja dasar kita tetapi juga free enterprise system untuk menggalakkan perkilangan-perkilangan dan industri-industri terus maju di negara kita.

Jadi melalui pindaan-pindaan yang dibuat saya harap suasana yang conducive untuk menggalakkan pengilang-pengilang menjalankan usaha mereka tanpa apa-apa keraguan akan berjaya dan kita pun akan dapat pelabur-pelabur asing untuk menanam modal mereka di negara kita. Jadi pada keseluruhannya langkah yang diambil untuk meminda Akta ini akan meningkatkan keyakinan pengilang-pengilang di negara kita dan juga menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk menanam modal.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru kita adalah penting kepada negara dan rakyat kita lebih-lebih lagi kepada generasi-generasi akan datang di negara kita. Dalam perdagangan dan perindustrian penyertaan rakyat kita adalah terpenting.

Dalam pembangunan dan kemajuan negara semua golongan dan lapisan masyarakat hendaklah menerima dan menikmati faedahnya. Jika tidak maka kemajuan negara tidak bererti. Oleh sebab itu, rakyat bumiputra dan rakyat keturunan India dan China hendaklah menyertai dalam bidang perindustrian dan perdagangan seperti telah disebutkan oleh beberapa rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini. Kepada rakyat kita equilibrium yang akan dicapai iaitu satu taraf penyertaan oleh semua golongan yang dianggap wajar atau patut mestilah diusahakan oleh Kerajaan dan mencapai cita-cita itu dalam masa yang ditentukan oleh Kerajaan kita.

Dasar Kerajaan untuk mencapai 30% bagi kaum bumiputra dalam memiliki harta negara dan juga dalam semua bidang lain adalah menjadi cita-cita bukan sahaja bumiputra di negara kita tetapi seluruh rakyat kita dari segi perpaduan negara kita.

Begitu juga dasar Kerajaan untuk memberi peluang kepada rakyat keturunan India dan Cina untuk memperolehi harta negara mencerminkan bilangan mereka. Saya harap bukan sahaja Kerajaan dan Kementerian tetapi sektor swasta hendaklah memahami dasar ini sebenar-sebenarnya dan memberi kerjasama untuk mencapai cita-cita Kerajaan dan rakyat kita. Oleh sebab kalau mana-mana satu golongan tertinggal ianya akan menjadi satu kegagalan Dasar Ekonomi Baru dan menjadi satu bebanan kepada Kerajaan dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan ini saya lagi sekali mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian yang berkenaan yang telah membuat pindaan-pindaan yang perlu untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Dengan ini, saya menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman.

5.52 ptg.

Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong penuh Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1979.

Sungguhpun ramai sahabat-sahabat saya telah membahaskan sejak dari kelmarin lagi, tetapi saya rasa perkara ini adalah mustahak kepada seluruh rakyat khususnya rakyat Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak berucap panjang, hanya saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian dan juga kepada Kerajaan yang telah dapat meminda Akta ini dan yang pertama sekali saya suka menyebutkan di sini ialah berkenaan dengan Fasal 7 Rang Undang-undang ini (Seksyen 11A (2) Akta) iaitu mulai dari (a) hingga (j) melantik Pengerusi, wakil-wakil dan ahli-ahli Majlis Penasihat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut oleh sahabat-sahabat saya tadi, saya juga bersetuju yang mana pihak Menteri yang akan melantik Pengerusi biarlah berhati-hati supaya dapat orang yang betul-betul jujur dan ikhlas dan dapat menjalankan tugasnya, kerana Pengerusi inilah yang mustahak sekali kalau hendak maju mundurnya Majlis Penasihat yang akan dilantik itu letaknya kepada Pengerusi dan ahli jawatan-kuasanya. Saya bersetuju dengan perlantikan ini mulai daripada (a) hingga (j) tetapi mengenai (j) yang saya akan sebutkan di sini mengikut budibicara Menteri tidak lebih daripada 2 orang ahli lain boleh dilantik oleh Menteri. Sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim, beliau telah mencadangkan supaya dilantik 2 orang itu daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Saya bersetuju tetapi saya mencadangkan seorang daripada Ahli Dewan Negara dan seorang lagi kalau boleh diwakili daripada mana-mana bank sama ada Bank Bumiputra atau Bank Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya bercakap berkenaan dengan pengilang-pengilang sebagaimana yang disebutkan dalam Akta ini memegang saham \$250,000. Saya suka mendapat tahu daripada pihak Menteri khususnya di negeri Kedah, kerana negeri Kedah, saya rasa ada juga pengilang-pengilang yang memegang saham seperti yang disebutkan tadi. Jadi saya suka mendapat tahu pengilang-pengilang yang memegang saham \$250,000 itu ada berapa banyak dalam negeri Kedah khususnya dan juga berapakah pengilang-pengilang hak bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru iaitu Bumiputra, pihak Kerajaan melaung-laungkan supaya dapat memberi 30% kepada Bumiputra. Di sini saya rasa perindustrian perniagaan yang kecil-kecil sepertimana kita hendak mengadakan percetakan dan juga perniagaan-perniagaan lain tetapi rungutan-rungutan rakyat yang saya dapat tahu khususnya di negeri Kedah permohonan lesen terlalu susah kepada Bumiputra. Ada setengah-setengah memohon lesen untuk hendak membuat percetakan daripada tahun 1978 hingga tahun 1979 ini ada yang belum dapat lesen lagi. Itu daripada Bumiputra.

Inilah yang saya berasa hairan. Saya rasa adakah pihak Menteri tegas atau tidak saya tidak tahu. Dengan sebab itulah pihak Bumiputra kita ini tertinggal di belakang seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi. Bukan Bumiputra ini tidak tahu hendak berniaga, tetapi kerana sebab-sebab yang saya telah sebutkan tadi iaitu syarat-syarat terlalu ketat. Kalau sesuatu permohonan lesen terlalu ketat sangat, diperiksa beberapa kali daripada Perlis, daripada Majlis Bandaran dan bermacam-macam lagi, tidak dapat juga. Inilah harapan saya kepada pihak Menteri dan juga apabila Majlis Penasihat Perindustrian ini dapat menjalankan tugas-tugasnya dan dapatlah meluluskan permohonan-permohonan itu dengan secepat mungkin kepada pihak Bumiputra.

Begitu juga pengilang-pengilang sepertimana yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi, orang-orang Bumiputra ini yang dapat hanyalah sebagai pekerja-pekerja di bawah-bawahan sahaja. Inilah yang kita harap-harapkan kepada pihak Kementerian ini. Kalaulah boleh pihak pengilang-pengilang ini dapat menetapkan gaji-gaji kepada pihak pekerja-pekerja itu, menetapkan bayaran gaji bulanan. Kebanyakan sekarang ini pekerja-pekerja kilang kita dibayar gaji \$4 atau \$5 sehari, itupun dibayar tiap-tiap hari. Kalau hari minggu tidak ada gaji.

Inilah yang selalu terjadi kepada pekerja-pekerja, anak-anak kita apabila mereka pergi kerja sahaja tidak cukup dengan wang yang mereka itu dapat, mereka itu berhenti kerja dan pekerja-pekerja inilah yang selalu terlibat dengan dadah, mencuri dan lain-lain di dalam negara kita ini.

Saya tidaklah hendak panjangkan ucapan saya, saya hanya berharap sekali lagi kepada pihak Menteri dan juga Majlis Penasihat ini dapat menjalankan tugas-tugasnya untuk rakyat khususnya rakyat bumiputra dan juga kaum-kaum lain di dalam negara Malaysia kita. Di sini sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain.

6.01 ptg.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri pada petang ini ialah menyokong Bill ini iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Penyelesaian Perindustrian 1975, yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sudah merdeka lebih daripada 20 tahun, dan perkembangan politiknya dan perkembangan ekonominya terkenal ke seluruh dunia. Di samping itu kita juga membuat satu dasar perniagaan bebas (free enterprise) dan juga menggalakkan pertumbuhan koperatif di dalam negara. Sekarang ini negara makin maju, daripada suatu masa ke satu masa, ini tidak dapat dinafikan. Perkembangan perusahaan pun begitu pesat. Dengan sebab itu, banyak pelabur-pelabur daripada luar negeri dikehendaki menanam modal di dalam negara kita ini dengan tujuan kita boleh mengurangkan pengangguran dalam negara dan dapat dipelajari oleh rakyat negara ini daripada kesan-kesan ataupun ilmu teknikal dan sebagainya daripada pertumbuhan industri. Maka ini perlulah Kerajaan mengadakan satu peraturan yang tidak memberi kebimbangan kepada pelabur-pelabur asing di serata dunia.

Kita faham bahawasanya banyak rombongan pergi bukan sahaja ke Eropah, ke Amerika tetapi ke negara Arab sendiri pun pernah dilawati oleh rombongan kita tetapi bukanlah diketuai oleh Menteri, dengan tujuannya membawa, meminta supaya pelabur itu menanam modal di dalam negeri ini. Kita mengakui kepada mereka negara kita sihat, cuacanya baik, politiknya stabil, dan

kitalah negeri yang lebih aman di rantau ini jikalau dibandingkan dengan negara-negara lain.

Banyak pelabur yang masuk dan juga akan masuk, jadi saya minta kepada Yang Berhormat Menteri ataupun pegawai-pegawai yang pergi menjual pelaburan ini ke luar negeri untuk memanggil industri ataupun swasta negara luar masuk ke negara kita menanam modal, hendaklah kita berhati-hati supaya jangan kita mengatakan bahawa buruh negara kita ini murah, tenaganya mudah, pembayarannya tidak begitu critical atau pelabur-pelabur jangan susah hati berhubung dengan buruh. Tuan-tuan boleh bawa duit tuan-tuan, tanam modal, buka industri, masalah buruh dengan gaji yang murah, kita boleh beri dan adakan minta sahaja berunding, Kerajaan akan tolong dan sedia menyelesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Kerajaan menimbangkan pada masa yang akan datang supaya perkara ini tidak timbul dalam sebarang rundingan pelaburan yang dibuat oleh Menteri-menteri kita di luar negeri, kerana merendahkan imej rakyat negeri kita ini kerana harga buruhnya murah. Perkara ini berlaku pada masa dulu bagaimanapun negara minyak di Amerika Tengah, iaitu Venezuela dan sebagainya mahu menaikkan harga minyak kerana kos buruhnya mahal. Itu menjadi sebab. Tetapi saya fikir janganlah kita mengatakan pula bahawa di Malaysia ini buruh murah, gaji boleh dapat dengan harga yang rendah. Dengan sebab itu tuan-tuan yang hendak melaburkan pelaburan dalam Malaysia ini jangan bimbang mengenai masalah buruh. Jadi saya minta perhatian kepada Kerajaan supaya ini jangan menjejaskan imej negara kita. Kita mengakui bahawa kita akan menjaga ataupun kita akan membiayai buruh dengan kadar-kadar yang kita boleh menjadikan mereka tidak dapat kekurangan masalah buruh. Sebab dalam masalah ini, banyak buruh di dalam negeri kita sekarang ini kadangkala boleh melibatkan maruah sesuatu kaum.

Kita mengatakan pula bahawa puak ini buruh-buruh yang "unskilled" dan ini buruh-buruh "skilled". Ini satu perkara yang saya minta Kerajaan cuba berhati-hati pada masa yang akan datang. Saya sedar industri ataupun pelabur tidak akan masuk ke dalam negeri kita jikalau kita ada tenaga buruh yang cukup. Tetapi memperkatakan gaji buruh kita di sini rendah boleh dapat dengan

harga \$4.00 satu hari, mereka bekerja lebih lapan jam dan tuan-tuan jangan bimbang, ini satu penawaran yang murah mutunya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini masih lagi perwakilan kita keluar negeri kerana menjemput pelabur-pelabur modal luar negeri menanam modal di negara kita iaitu ke Jepun, dan mungkin boleh jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga bercakap masalah ini di Korea Selatan, mungkin juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bercakap di Korea Utara, di Amerika, di England, di Germany dan sebagainya bahawa politik di negara kita stabil dan cukup syarat-syarat bagi menanam modal di negara kita. Kita juga bercakap kepada orang-orang di Timur Tengah. Tetapi apa yang perlu saya mohon kepada Kerajaan, penanam-penanam modal yang akan datang ke negara kita ini ada baiknya jikalau kita membuat perkiraan dengan mereka itu kongsi ataupun berniaga sama dengan ekuiti yang berpatutan walaupun ada syarat-syarat umpamanya kontrak lebuhraya yang kita berikan kepada kontraktor luar negeri walaupun syarat dia 30% mesti beri kepada kontrak tempatan, sub-contract beri kepada bumiputra dan sebagainya, tetapi ini merupakan kontrak-kontrak yang ada di dalam negeri kita ini tidak begitu mempunyai keupayaan secara kasarnya. Begitu juga kalau kita menjemput penanam-penanam modal ini kelak mestilah tidak lari daripada apa yang saya maksudkan dengan Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi sahabat saya dari sebelah sana mengatakan dalam masa menjalankan Dasar Ekonomi Baru ini bahawa pandangan Kerajaan haruslah ditumpukan kepada kaum China dan India, janganlah semata-mata menumpukan kepada satu kaum sahaja dan disebut oleh seorang yang sangat saya hormati apatah lagi seorang yang baru sahaja melepaskan tanggungjawab pada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1947 dan 1948 cuma ada empat orang sahaja Melayu keluar daripada Universiti Singapura pada satu ketika. Satu doktor, satu ekonomis dan yang lain-lain itu ada dua—jumlah empat orang sahaja. Saya lupa dua orang daripadanya itu, dua orang yang saya masih ingat, satu daripadanya ialah orang yang memegang tampuk nombor dua dalam negara kita iaitu Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai seorang doktor kawannya ialah Professor Diraja Ungku Aziz dalam jurusan ekonomi (Kelas Pertama) yang dua lagi itu saya sudah lupa, itu sahaja bumiputra yang keluar dari sebuah universiti di Singapura. Oleh sebab memandangkan saudara orang-orang Tionghua dan India ini sebagai saudara kandung dalam negara kita yang tidak boleh dipisahkan, satu dasar yang adil perlu dibuat. Kita tahu yang miskin bukan sahaja Melayu, China juga ada dan India juga ada, tetapi rumusan dalam Dasar Ekonomi Baru ini menghendaki 30% ialah penyertaan orang bumiputra. Mengikut istilah undang-undang, bumiputra itu bukan Melayu, Tuan Yang di-Pertua, bumiputra ialah orang yang bukan Melayu termasuk Dayak, Iban, Murut, Kadazan dan lain-lain, jadi 30% itu bumiputra dan Melayu, barangkali saya silap tetapi boleh dibetulkan. Bumiputra itu maksudnya mengikut segi Perlembagaan ialah Orang Asli termasuk saudara-saudara kita di Sabah dan Sarawak. Jadi bila disebut 30% Melayu dan bumiputra bermakna kaum-kaum yang daif dalam negara kita ini supaya seimbang dengan tidak mengusik hak-hak yang lama, mengadakan yang baru tumbuh dengan tidak hendak menguntuk ataupun kita menasionalaiskan yang lama atau merampas hak bukan Melayu yang mereka punyai. Dan inilah fahaman yang tiap-tiap orang Melayu dan bumiputra sekarang ini bahawa wujudnya 30% penyertaan bumiputra Melayu dan bumiputra itu dengan maksud supaya dapat seimbang dan tidak ada jarak jauh di antara bukan Melayu dengan Melayu. Apabila ini wujud maka wujudlah satu nikmat di negara kita dan kalau tidak wujud maka kitalah yang bertanggungjawab kepada generasi-generasi yang akan datang. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, memperkatakan equity tidak cukup pada orang China dan India, tentulah perkara yang tidak begitu logik di Dewan ini, sebab kita tahu dalam soal saham cuma 2% sahaja Melayu ada di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh semula Bil ini, orang Melayu cuma berharap kepada Kerajaan memimpin, memberi galakan dan memberi kemudahan kepada bumiputra supaya ia boleh wujud penyertaan 30% itu. Jikalau Kerajaan berkehendak modal 30% itu diadakan, saya fikir Kerajaan boleh buat dalam masa yang singkat sahaja meniadakan modal 30% untuk bumiputra tetapi yang

payah atau dikehendaki sekarang ini ialah penyertaan 30% daripada orang bumiputra dalam Dasar Ekonomi Baru. Jadi dalam masa kita bercakap dalam masalah industri dan pelaburan, apa salahnya kalau Kerajaan boleh membawa pelabur-pelabur luar negeri itu berkongsi dengan pelabur-pelabur yang ada dalam negeri ini yang terdiri daripada orang tempatan.

Kita tahu negara Arab pada masa ini sangat berkehendak bahan-bahan kayu dan 2-3 bulan dahulu kita dengar consortium akan ditubuhkan dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bercakap dalam satu seminar di Kuala Lumpur supaya bumiputra yang interest dalam perkilangan kayu-kayan, ditubuhkan satu consortium dan mereka berkongsi berniaga bagi melawan ataupun mengikut perkembangan-perkembangan yang akhir-akhir ini. Saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu sangat baik, tetapi adakah Kerajaan tahu penyakit yang sedang berlaku sekarang ini dalam usaha bumiputra dalam perkilangan kayu? Saya belum bertanya adakah Kerajaan bersedia mengubati, saya berfikir Kerajaan tidak begitu bersedia memahami bagaimana kedudukan bumiputra dalam perkilangan kayu. Satu daripada misalnya Kerajaan Negeri adalah berkuasa mengeluarkan permit penjualan kayu dalam negeri itu sendiri, tetapi Kerajaan Negeri juga berkehendak wang yang banyak, dia juga menjadi mata duitan. Jadi di mana bumiputra yang daif boleh mengambil bahagian dalam pembelian dengan harga yang mahal.

Yang kedua, Kerajaan bersama-sama berjalan, apa industri yang bumiputra buat dia pun buat sama. Jadi di mana bumiputra boleh menang. Saya boleh mengatakan sebagai contoh, Kerajaan Negeri memberi kawasan hutan balak kepada anak syarikatnya, biarlah saya terangkan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pahang supaya tidak ragu-ragu pegawai-pegawai memikirkan mana Kerajaannya, ia memberi kepada anak syarikatnya iaitu sebuah badan yang dilantik oleh Kerajaan, katakanlah, Sri Jengka Sendirian Berhad (SJSB) yang dimodali oleh Kerajaan Pusat 90% dan Kerajaan Negeri 10% dengan harga \$50 satu ekar dan kepada Syarikat Perkayuan Pahang (ASPA) dengan harga \$50 satu ekar hutan dara (virgin jungle), bila disebut dara, fahamlah kita bahawa ianya belum diterokai. Bagi syarikat bumiputra yang menjalankan perindustrian perkayuan dibuat tender terbuka, datanglah pengilang-

pengilang dari Ipoh, pengilang-pengilang dari Negeri Sembilan, daripada Johor menawarkan modal dengan harga yang tinggi, akhirnya syarikat bumiputra juga terkulat-kulat macam cicak makan kapor, harga tendernya murah, oleh sebab Kerajaan Negeri berkehendak wang yang banyak diberi tender ini kepada syarikat bukan bumiputra itu sekalipun berlawanan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Lagi satu tender, Tuan Yang di-Pertua, tender tertutup, maksudnya dibiayai oleh syarikat-syarikat bumiputra sahaja. Syarikat bumiputra ini pula jadi alat kepada syarikat orang bukan bumiputra dengan dapat sebahagian imbohan, membolehkan memberi kereta atau memperbaiki rumah dengan kadar yang cukup \$4,000-\$5,000 berlawanan dengan saudara mereka syarikat bumiputra sendiri, akhirnya pun tak dapat oleh Syarikat Bumiputra. Tidak kurang daripada \$300,000 bagi 1,000 ekar, \$300 satu ekar, mengapa pada Kerajaan sendiri diberi \$50 satu ekar, kepada bumiputra ikut tender yang tinggi. Beginikah gayanya kalau kita hendak menjalankan Dasar Ekonomi Baru? Ini satu cara pengilangan kayu yang modal lebih daripada \$500,000. Adakah Kerajaan Pusat tahu? Mungkin jawabnya dia tak tahu. Adakah boleh diperbaiki masalah ini supaya Kerajaan tidak menganiayai bumiputra dalam satu-satu perniagaan pengilangan?

Jadi Kerajaan sendiri harus membetuli dirinya sendiri dalam masa hendak menaikkan bumiputra supaya mendapat ekuiti 30% penyertaan bumiputra dan Melayu dalam Dasar Ekonomi baru, jikalau tidak, saya fikir tidak akan dapat diwujudkan tetapi saya berdoa mudah-mudahan perkara ini tidak akan berlaku sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya bila saya membahaskan ini kalau sekiranya ada pelaburan luar negeri, apa salahnya dimasukkan persesuaian menjemput rakyat negeri ini supaya berniaga sama tetapi bukanlah modal yang begitu besar, sekurang-kurangnya boleh dia menjalani atau melakukan perusahaan industri yang saya sebutkan tadi, kalau tidak 10 jong lalu anjing bercawat ekor juga dalam melawani tumbuhnya industri di dalam negara kita sekarang.

Saya penuh yakin, Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru ini boleh memimpin rakyat dalam negara ini, boleh menyamakan jurang perbezaan sebab kemiskinan itu ada pada semua kaum, ada pada Melayu, ada pada

India, ada pada Tionghua akan tetapi orang yang mempunyai pengalaman dalam masalah industri ini umpamanya 3 bangsa tadi, orang Tionghua yang lebih. Kalau saudara-saudara Tionghua ini memberi satu didikan, pengajaran bersama memimpin orang Melayu, memimpin orang India, saya fikir jurang ini dapat diatasi. Yang salahnya disalahkan Dasar Ekonomi Baru ini hendak merebut kekayaan daripada orang yang sudah ada dan saya tak fikir masalah ini boleh timbul. Jadi dalam masa kita mengkaji pembangunan yang saya sebutkan tadi, soal kepimpinan perlulah ada. Sebagai contoh yang saya katakan tadi Kerajaan jangan harus bersaing dengan perniagaan pengilangan bumiputra dan kalau bersaing, berilah satu harga yang sama, seumpama harga perkayuan yang saya sebutkan tadi.

Sepanjang yang saya tahu Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kepada Syarikat Jengka Sendirian Berhad 300,000 ekar dan pada perkiraannya syarikat ini rugi bermelion-melion ringgit. Kalau kemudahannya banyak, modal yang lebih tetapi dia rugi tentulah syarikat bumiputra yang kurang kemudahan, tak ada peruntukan, modalnya kecil, tentu dia juga terdedah kepada kerugian. Kalau sekiranya Kerajaan berfikir itu langkah yang baik maka pihak-pihak yang tertentu sahajalah yang boleh menjawab masalah ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada Akta ini iaitu perlantikan Ahli Majlis ialah seramai 17 orang, 7 daripadanya ialah boleh mewakili Kerajaan termasuk 2 daripadanya Sabah dan Sarawak, 5

daripadanya yang mewakili institusi-institusi perdagangan dan perindustrian perkilangan dan 2 lagi itupun mewakili kepentingan yang menjalankan aktiviti—perkilangan dalam negeri Sabah dan Sarawak. Jadi bermakna dia pun 7, cuma sekarang ini 2 sahaja ahli yang dilantik mengikut budibicara Menteri.

Saya tidak mencadangkan pindaan akan tetapi Kerajaan patutlah menimbangankan perenggan (j) itu lantikan mengikut budibicara Menteri hendak dilebihkan sedikit, tidak 2, kerana pengimbangan angka 7-7 dan kalau satu-satu perkara yang terpaksa dikenakan undian walaupun Pengerusi ada mempunyai hak tetapi boleh juga mungkin jadi ahli daripada itu ada yang tidak hadir dan boleh berlaku sesuatu yang kurang sihat. Jadi dari apa yang saya maksudkan kalau sekiranya ahli yang nombor (j) ini dibanyakkan sedikit dapatlah maknanya Majlis itu membuat keputusan yang betul-betul adil dan juga memandang kepada kepentingan negara ini seluruhnya. Pelabur-pelabur asing tidak akan menanam modal dalam negara kita kalau keadaan politiknya kucar-kacir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri, kalau hendak menyambung lagi pada hari esok, bolehlah sambung.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 18hb Julai, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.